

**Jilid IV
No. 40**



**Hari Rabu
21hb Februari, 1968**

**PERBAHATHAN
PARLIMEN
DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA
PENGKAL KEEMPAT
PENYATA RASMI**

KANDONGAN-NYA

**JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan
5909]**

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-
BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT
(USUL) [Ruangan 5930]**

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1968—

**Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Keempatbelas)
[Ruangan 5931]**

Kepala B. 67 [Ruangan 5931]

Kepala² B. 68 sampai B. 72 [Ruangan 5947]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1968 [Ruangan 5986]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi

Hari Rabu, 21hb Februari, 1968

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.

„ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).

„ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Kesihatan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).

„ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).

„ Menteri Kebajikan 'Am, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).

„ Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).

„ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).

„ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., D.P.M.T., P.J.K., (Trengganu Tengah).

„ Menteri Muda Pelajaran TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Muda Kewangan, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).

„ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH (Raub).

„ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan, TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N. (Seberang Tengah).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.
(Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).
- „ WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).
- „ TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Parit).

Yang Berhormat TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K.
(Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S.
(Sarawak).

„ TUAN KADAM ANAK KIAI (Sarawak).

„ TUAN KHOO PENG LOONG (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).

„ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Pasir Puteh).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

„ TUAN NG FAH YAM (Batu Gajah).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).

„ TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.
(Rembau-Tampin).

Yang Berhormat RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).

- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- „ TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
- „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
- „ TUAN SULEIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
- „ TUAN TAN TSAK YU (Sarawak).
- „ TUAN TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri,
Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.
(Kuala Kedah).

- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON
BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI
(Kedah Tengah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan,
TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian dan Menteri Ke'adilan,
DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB (Sarawak).
- „ Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID
BIN AWANG OSMAN, (Kota Star Utara).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya
di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., S.M.J.,
P.I.S. (Segamat Utara).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P. (Bruas).

Yang Berhormat TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).

„ TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).

„ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN GANING BIN JANGKAT (Sabah).

„ TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).

Yang Amat Berbahagia TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N. (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ TUAN LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).

„ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).

„ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).

„ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berbahagia TAN SRI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia-Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).

• „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

„ TUAN SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ TUAN TAN KEE GAK (Bandar Melaka).

„ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

„ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

TAFSIRAN QUR'AN

1. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri:

(a) sa-takat mana-kah yang telah diusahakan tafsiran Qur'an dan bilakah kerja² itu akan di-siapkan;

(b) sama ada Kerajaan berchadang menjual tafsiran² Qur'an, dan jika ya, berapa-kah anggaran harga pengeluaran-nya.

Timbalan Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, satu bahagian khas dalam Jabatan Perdana Menteri telah di-tubuhkan untuk menterjemahkan Al-Qur'an. Pada perengkat ini, kerja² yang di-buat ia-lah untuk menterjemahkan Al-Qur'an itu, bukan-nya mentafsirkan kitab suchi itu. Kerja menterjemahkan di-mulakan kira² 4 bulan yang lepas dan sa-hingga hari ini 6 Juzu' telah pun siap. Ada-lah di-jangkakan bahawa dalam masa sa-tahun sa-tengah lagi seluroh kitab suchi itu akan siap di-terjemahkan.

Ada-lah di-chadangkan bahawa terjemahan ini akan di-chetak dan di-keluarkan dengan chara beransor². Terjemahan ini akan di-jual, tetapi

harga-nya belum di-tentukan lagi sahingga harga menchetak-nya telah diketahui.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: ada-kah benar bahawa kerja² mentafsir Qur'an ini pada mulanya di-serahkan kepada satu orang di-negeri Perlis, kemudian di-tarek balek dan di-beri kepada pehak yang lain—ada-kah benar itu berlaku?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saperti saya sebutkan tadi bukan kerja mentafsir—menterjemah; ini kerja yang di-buat oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sama ada menterjemah atau pun mentafsir, yang saya hendak tahu ia-lah ada-kah benar bahawa urusan menterjemah atau mentafsir ini di-serahkan kepada satu orang yang tertentu di-negeri Perlis, kemudian di-tarek balek dan di-serahkan kepada pehak lain pula?

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, terjemahan itu di-jalankan di-sini, di-Kuala Lumpur, bukan di-Perlis.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi Yang Berhormat Menteri silap fahami. Saya tahu benda itu di-Kuala Lumpur, tetapi orang-nya di-negeri Perlis, kemudian di-tarek balek.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab itu sudah di-beri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya kurang dengar, Tuan Yang di-Pertua, minta ma'af-lah.

Tuan Yang di-Pertua: Jawab sudah di-beri.

JAWATAN AKTUARI KERAJAAN

2. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) kenapa jawatan aktuari Kerajaan maseh di-sandang oleh sa-orang pegawai dagang;

- (b) apa-kah langkah² yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membolehkan sa-orang pegawai tempatan mengambil alih jawatan itu.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jawatan Aktuari Kerajaan maseh di-sandang oleh sa-orang pegawai dagang oleh sebab belum ada lagi warganegara Malaysia yang mempunyai kelulusan untuk menjawat jawatan itu. Untuk membolehkan sa-orang pegawai tempatan mengambil alih jawatan ini, Kerajaan ada membiayai dua orang pemegang biasiswa ilmu aktuari mengambil kelulusan Fellow of Institute of Actuary. Ada-lah di-jangkakan salah sa-orang daripada mereka itu akan lulus semua peperiksaan aktuari sa-chepat²-nya dua tiga tahun lagi.

JAWATAN AKAUNTAN NEGARA

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) bila-kah jawatan Akauntan Negara akan di-sandang oleh Pegawai Tempatan; dan
(b) apa-kah syarat² pengambilan kerja pegawai dagang yang memegang jawatan itu sekarang.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, jawatan Akauntan Negara akan di-sandingkan oleh sa-orang pegawai tempatan apabila tempoh konterek pegawai dagang yang sedang memegang jawatan ini tamat pada 7hb Mach tahun ini. Pegawai dagang yang memegang jawatan Akauntan Negara sekarang telah di-ambil sa-chara konterek sa-lama 6 bulan mulai daripada 8hb September, 1965 hingga 7hb Mach, 1968.

Gaji pokok-nya ia-lah \$1,850 sabulan dan gratuity ada-lah bagaimana yang di-bayar kepada pegawai² yang sa-taraf ia-itu 22% dari gaji pokok bagi tiap² satu tahun perkhidmatan.

MELATEH PEMUDA² DALAM PASOKAN TENTERA SAPERTI YANG DI-LAKUKAN OLEH KERAJAAN SINGAPURA

4. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan

ada-kah Kerajaan akan mengerah anak² muda berlateh dalam Pasokan Tentera sa-bagai yang telah di-lakukan dan sedang di-lakukan oleh Kerajaan Republik Singapura. Jika Kerajaan akan berbuat demikian, bila-kah masa-nya, dan jika tidak, mengapa.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak hendak men-chadang pada ketika ini hendak meng-adakan latehan militeri atau tentera saperti yang di-jalankan oleh Kerajaan Singapura. Saperti Ahli² Yang Berhormat Dewan ini mengetahui, pada masa konfrantasi dahulu Kerajaan telah mengadakan Undang² Kerahan Tenaga Ra'ayat dan Undang² ini maseh lagi berjalan dan kalau di-kehendaki mem-ulakan latehan bagi mereka yang berumor di-antara 21 sampai 29 tahun, Kerajaan boleh-lah jalankan bila masa yang di-kehendaki; tetapi pada masa ini memandangkan kedudukan wang negara kita, langkah ini tidak-lah dapat di-ambil.

BAYARAN SAGU HATI KAPADA AHLI PASOKAN TENTERA

5. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah beliau sedar bahawa tiap² Ahli pasokan tentera mendapat bayaran sagu hati hanya sa-banyak \$2,000 apabila dia meninggal sa-waktu bertugas atau lain² masa. Ada-kah jumlah ini di-bayar daripada wang peruntukan khas bagi tujuan ini dan apa-kah tindakan yang akan di-ambil mengenai perkara ini, dan jika tidak, mengapa.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, bayaran \$2,000 itu ia-lah bayaran *ex gratia* sahaja atau pun sagu hati; sa-lain daripada bayaran itu mengikut peratoran², ia-itu Tempatan Undang² Federation Army Regulation Enactment. Pada fikiran saya Ahli Yang Berhormat sa-bagai sa-orang bekas Pegawai tentera tentu-lah patut tahu hal yang demikian.

PERSIDANGAN PEGAWAI² KANAN TENTERA DI-ENGLAND—WAKIL² MALAYSIA

6. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad bertanya kepada Menteri Pertahanan

ada-kah beliau sedar bahawa tiap² tahun satu persidangan Pegawai² Kanan Tentera di-adakan di-England dan wakil² kita ka-persidangan ini biasa-nya bisu sahaja apabila di-minta memberi pendapat² mereka dan saya perchaya ini ada-lah di-sebabkan bahawa wakil² kita tidak berkelulusan tinggi dan tidak tahu tentang kemajuan negara kita. Apa-kah langkah² yang beliau telah ambil atau akan mengambil supaya wakil² yang di-hantar pada masa yang akan datang di-pilih daripada pegawai² muda yang lebeh chekap dan berke-bolehan, kerana jika tidak akan me-malukan negara kita.

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, persidangan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat ini ia-lah satu persidangan pengajian yang di-adakan dua kali sa-tahun di-bawah anjoran Angkatan Tentera British yang di-namakan UNIZON. Dalam persidangan ini, pegawai² yang hadir bagi mewakili Malaysia ia-lah Ketua Turus Angkatan Tentera dan Setia-usaha Tetap Kementerian Pertahanan, dan sa-orang lagi Pegawai ia-itu Principal Staff Officer (Operation). Jadi ketiga² Pegawai ini ia-lah Pegawai Kanan Tentera yang mempunyai kelayakan, dan saya fikir tentu-lah tidak patut bagi Ahli² Yang Berhormat hendak menyentoh kelayakan Pegawai² Kanan Tentera yang telah menjalankan tugas mereka itu dengan sangat memuaskan hati.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: kalau saya silap boleh di-betulkan, ia-itu saya faham meshuarat ini Meshuarat Pegawai? Jadi mengapa-kah Malaysia kita menghantar Turus Agong dan yang paling besar sa-kali pada hal ini meshuarat-nya meshuarat Pegawai² biasa. Buat kali yang pertama kita hantar Turus Agong sa-kali tidak apa-lah, ini tiap² kali meshuarat; saya bacha di-dalam surat-khabar di-luar negeri pun Turus Agong juga. Jadi orang bertanya, "Pegawai tidak ada-kah, negeri kamu; mesti hantar General?" Jadi, ada-kah Kerajaan kita hendak memberikan peluang kepada pegawai² menghadhiri meshuarat ini dan tidak terhad kepada Pegawai Agong sa-mata².

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, Turus Angkatan Tentera ialah sa-orang pegawai juga, sungguh pun dia pegawai yang kanan sa-kali. Sebabkan meshuarat ini meshuarat mustahak, negara kita mustahak-lah di-wakili oleh Pegawai Kanan, kalau tidak Ketua Turus Angkatan Tentera, Pegawai yang kedua Chief of General Staff, tetapi salah sa-orang mustahak-lah hadhir di-dalam meshuarat yang penting seperti ini, dan kita selalu hantar satu orang dua lagi Pegawai lain; tetapi perwakilan kita mustahak-lah di-ketuai oleh Pegawai Kanan.

PENGHANTARAN PENYATA² BANK BULANAN KAPADA BANK NEGARA MALAYSIA

7. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) sama ada bank² telah menghantarkan penyata² bulanan mereka kepada Bank Negara sa-telah pindaan² kepada Banking Ordinance, 1958 di-buat;
- (b) ada-kah bank² itu akan memberi naskhah² penyata mereka kepada tiap² Ahli Majlis ini.

Tun Tan Siew Sin: Tuan Yang di-Pertua, di-bawah peruntukan² section 12 (1) (a), Ordinan Bank, 1958, semua bank² berlesen di-Malaysia ada-lah di-kehendaki memberi kepada Bank Negara Malaysia dan kepada Ketua Perangkawan Malaysia satu penyata dalam bentuk yang di-tetapkan dalam Jadual Pertama kepada Ordinan Bank yang menunjukkan harta² dan tanggungan² bank itu di-Malaysia. Oleh yang demikian, semua bank² berlesen telah memberi penyata² bulanan, harta² dan tanggungan² mereka kepada Bank Negara Malaysia dan Ketua Perangkawan Malaysia sejak Ordinan Bank itu berkuatkuasa pada bulan Januari, tahun 1959; ia-lah ada pindaan² yang di-chadangkan kepada keperluan ini dalam Rang Undang² Bank (Pindaan) tahun 1967.

(b) Penyata² harta dan tanggungan bank² Malaysia di-Malaysia itu diberi kepada Bank Negara Malaysia dan Ketua Perangkawan Malaysia dalam keadaan rahsia. Oleh yang demikian, tidak-lah mungkin untuk me-

minta bank² berlesen di-Malaysia menghantar salinan² laporan itu kepada tiap² Ahli Dewan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: berkenaan dengan pechahan (b) daripada soal ini ia-lah penyata tahunan tidak penyata bulanan. Saya bertanya oleh kerana ada bank² yang saya selalu dapat seperti United Malaysian Banking, yang selalu menghantar penyata² tetapi bank² lain tidak ada, pada hal banyak bank² lain lagi di-dalam Malaysia ini. Jadi, saya hairan mengapa bank itu sahaja yang rajin menghantar. Tidak-kah bank yang lain boleh menghantar sama supaya Ahli² ini dapat tahu?

Tun Tan Siew Sin (dengan izin): Mr Speaker, Sir, I have the feeling that we are talking at cross purposes. I do not think that the documents referred to by me are the documents referred to by the Honourable Member (*Laughter*).

JAMBATAN MUAR—HARGA-NYA, KUTIPAN, BILANGAN KENDERAAN YANG MELALUI, DAN BAYARAN TOLL

8. Tuan Abdul Karim bin Abu bertanya kepada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom:

- (a) (i) berapa harga Jambatan Muar yang sa-benar-nya;
- (ii) berapa kutipan yang paling banyak bagi mana² bulan dalam tahun 1967; dan
- (iii) berapa bilangan kenderaan yang melalui jambatan itu dalam bulan itu;
- (b) ada-kah dia sedar akan sedikit-nya bilangan teksi dan bas yang melalui jambatan itu kerana bayaran toll yang mahal, dan jika sedar, ada-kah dia akan menimbang mengurangkan lagi bayaran itu.

Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom (Tun V. T. Sambanthan): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) harga Jambatan Muar yang sa-benar-nya termasuk perbelanjaan membena jalan²

menuju ka-jambatan itu ia-lah \$4,176,000;

- (ii) kutipan yang paling tinggi dalam tahun 1967 ia-lah \$102,411 bagi bulan Ogos.

Nombor (iii) \$66,584; ada-lah tidak benar bahawa sedikit sahaja bilangan teksi dan bas yang melalui jambatan itu kerana bayaran toll yang di-kutip di-jambatan ini mahal. Semenjak 1 hari-bulan ini sahaja, perhentian bas untuk bas² daripada Melaka dan Tangkak itu di-adakan di-pekan Muar dan semenjak itu semua bas yang dahulu-nya berhenti di-sabalah Utara Sungai Muar telah menyeberangi Jambatan Sultan Ismail dan berhenti di-pekan Muar. Begitu juga kebanyakan daripada teksi² tempatan sekarang telah menyeberangi dan berhenti di-pekan Muar.

Dari bulan Disember tahun 1967, 200 buku *season ticket*, satu² mengandungi 30 teket; telah di-jual untuk kegunaan teksi menyeberang Jambatan Muar itu; dan dalam bulan Januari yang lepas 230 buku teket itu telah di-jual; kalau-lah teksi yang telah membeli teket itu telah menggunakan semua teket² yang telah di-beli-nya, maka ini berma'ana dalam bulan Januari teksi² itu telah menyeberang Jabatan Muar sa-banyak 6,900 kali.

Dalam bulan Disember tahun 1967, 11 buku *season ticket* telah di-jual untuk kegunaan bas menyeberang Jambatan Muar itu. Dalam bulan Januari, 19 buku telah di-jual dan bulan ini sa-hingga 13 haribulan Februari, 1968, 87 buku telah di-jual.

Jambatan Muar telah di-buka pada 16 haribulan Mach, 1967, dan 5 bulan sa-lepas daripada itu, ia-itu mulai daripada 15 haribulan Ogos, 1967, dengan tujuan hendak menggalakkan bas dan teksi mengguna jambatan itu, kadar bayaran toll bagi bas telah di-kurangkan daripada \$3.50 kepada \$2.50, dan daripada tarikh itu juga Kerajaan telah mengadakan *season ticket* bagi teksi dengan bayaran chuma satu-pertiga daripada kadar yang di-bayar oleh motokar. *Season ticket* bagi bas², sa-tengah daripada bayaran biasa. Kerajaan tidak berchadang hendak mengurangkan bayaran itu lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: ada tersebut di-dalam jawapan tadi ia-itu bayaran toll itu mahal dan sudah di-turunkan: bagi bas \$3.50 kepada \$2.50 dan teksi satu-pertiga, saya tidak tahu berapa-nya, maka soalan saya bagini: yang mahal ini sa-kadar mana, ada-kah lebih mahal daripada toll yang di-ambil di-Kelantan atau pun rendah daripada itu?

Tun V. T. Sambanthan: Tuan Yang di-Pertua, ini soal bukan berkenaan dengan negeri Kelantan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu kira negeri Kelantan. Saya tanya yang sa-tinggi itu sa-banyak mana mahal itu. Jadi, mana tinggi—mahal di-Kelantan-kah atau pun di-Muar? Jangan kira Kelantan kira di-Muar.

Tun V. T. Sambanthan (dengan izin): There is no comparison between the two.

BILANGAN PEKERJA DENGAN KERETAPI TANAH MELAYU

9. **Tuan Abdul Karim bin Abu** minta kapada Menteri Pengangkutan sebutkan bilangan orang, mengikut kaum yang bekerja dengan Keretapi Tanah Melayu.

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya shorkan supaya beliau merujuk kapada jawapan yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan di-Dewan ini pada 14hb Februari, 1968, pada pertanyaan yang sa-rupa.

AJARAN SAINS² RUMAH TANGGA PERTANIAN BAHASA KEBANGSAAN DAN PENGAJIAN UGAMA DI-MELAKA

10. **Tuan Abdul Karim bin Abu** bertanya kapada Menteri Pelajaran adakah benar bahawa Sains Rumah Tangga, Sains Pertanian Bahasa Kebangsaan dan Pengajian Ugama tidak

di-ajar di-Melaka sunggoh pun pelajaran Sains di-titekberatkan sa-bagai perkara yang mustahak.

Menteri Muda Pelajaran (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa Sains Tadbir Rumah Tangga, Sains Pertanian, Bahasa Kebangsaan dan Pengajian Agama Islam tidak di-ajar di-Melaka. Ada sa-jumlah 30 buah Sekolah² Menengah (Bahasa Penghantar Melayu dan Inggeris) di-Melaka.

Sains Tadbir Rumah Tangga ada-lah di-ajar di-semua sekolah yang di-hadiri oleh murid² perempuan kechuali sa-buah.

Sains Pertanian ada-lah di-ajar dalam 4 buah sekolah. Sekolah² yang lain mengajar mata-pelajaran² gantian atau *alternative subjects*, saperti Ilmu Perusahaan dan Sains Rumah Tangga.

Bahasa Kebangsaan, ia-itu satu mata-pelajaran yang di-wajibkan ada-lah di-ajar di-semua Sekolah² Menengah Jenis Kebangsaan. Bahasa Melayu pula di-ajar di-Sekolah² Kebangsaan.

Pengetahuan Agama Islam di-ajar di-22 buah sekolah. Mata-pelajaran ini tidak di-ajar di-5 buah sekolah oleh sebab tidak ada murid² yang beragama Islam. Hanya tiga buah sekolah yang tidak mengajar Pengetahuan Agama Islam di-sebabkan oleh kekurangan sementara guru² agama. Pengambilan guru² baharu untuk sekolah² ini sedang di-jalankan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya dukachita soalan saya yang asal di-ubah kapada soalan yang ada. Soalan saya yang asal saya suka kemukakan "Bertanya kapada Menteri Pelajaran ada-kah beliau sedar pelajaran Sains menjadi pelajaran yang mustahak; kira-nya sedar mengapa Penyeliaan ia-itu Pegawai Urusan Rumah Tangga dapat di-adakan di-Melaka, tetapi Penyeliaan urusan Sains Pertanian, Penyeliaan urusan Bahasa Kebangsaan, dan Penyeliaan Agama Menengah tidak di-adakan dan di-jalankan lansong di-Melaka."

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, memang ada, kadang² sekolah itu berkenaan tidak dapat guru² Sains dan juga perkara ini, kita sudah ambil perhatian kapada Kementerian Pelajaran dengan tindakan yang tegas.

BEKALAN LETRIK BAGI KAWASAN MUAR UTARA, MUAR PANTAI DAN MUAR DALAM

11. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah beliau sedar bahawa penduduk² di-kawasan Muar Utara, Muar Pantai dan Muar Dalam berasa hampa kerana bekalan letrik yang telah di-janjikan oleh Kementerian beliau sa-baik sahaja siap Jambatan Muar, tidak di-laksanakan dan jika demikian ada-kah Kementerian beliau akan melaksanakan-nya pada tahun ini, serta nyatakan peruntokan-nya dan berapa peringkat.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, pada 10hb April, 1965, Lembaga Letrik Negara telah menulis kapada Ahli Yang Berhormat dengan menyatakan, ia-itu bekalan letrik ka-Daerah² Muar Utara, Muar Pantai, dan Muar Dalam akan di-kaji samula, apabila Jambatan Muar itu selesai di-bena. Kajian telah di-perbuat dan telah di-dapati, ia-itu jumlah bantuan yang di-kehendaki dari Kerajaan Persekutuan kerana membekalkan letrik di-kawasan² berikut ia-lah berjumlah \$1,097,797:

Kampong Tanjong Agas pengguna 120 akan mengambil belanja sa-banyak \$113,155,

Parit Bunga, 220 pengguna, \$181,384,

Rawang Town, 240 pengguna, \$217,735,

Sungei Mati, 200 pengguna, \$146,027,

Serom Town, 370 pengguna, \$209,762,

Serom dan Simpang, 250 pengguna, \$230,734.

Ada di-chadangkan ia-itu apabila di-perolehi peruntokan tambahan bekalan letrik akan di-sambong pada

peringkat yang pertama ka-kampong di-dalam daerah itu—ia-itu Kampong Tanjong Agas yang mula sekali.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan tadi, ada-kah ranchangan ini di-mula pada tahun ini?

Dr Lim Swee Aun: Jawapan saya, bila dapat wang tambahan, boleh-lah di-jalankan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi saya mendengar ia-itu ada satu juta ringgit, berapa-kah saya lupa, ia-itu sa-bagai membantu kerja² letrik di-kawasan itu—sa-bagai bantuan. Jadi, dapat-kah Yang Berhormat Menteri ini menerangkan maksud bantu itu—sa-bagai hadiah social service atau pun di-atas dasar commercial?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, ini \$1 juta lebih ia-lah anggaran yang akan di-belanjakan, jika sa-kira dapat bekalan letrik di-situ. Jadi, bila Kerajaan ada peruntokan wang dalam Development Estimate, duit itu boleh di-belanjakan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, bukan itu nama bantuan; jadi erti itu peruntokan; yang saya tanya tadi “bantu” atau “bantuan”; jadi ada beza; peruntokan tetap akan di-belanja dengan hendak memberi bantu. Jikalau saya salah boleh-lah tolong betulkan.

Dr Lim Swee Aun: Jika sa-kira dapat di-luluskan, wang yang di-belanja ini, jadi bantuan (*Laughter*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham lagi beza “peruntokan” dengan “bantu” itu, sebab yang saya faham bantu ini ia-lah benda yang lebih; kalau benda yang di-untokkan di-dalam estimate itu macham mana hendak di-namakan bantu?

Tuan Yang di-Pertua: Apa beza-nya asal dapat di-belanjakan?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Dapat, tentu dapat, Tuan Yang di-Pertua. Chuma saya hendak faham yang dia punya itu: besok boleh jadi saya hendak jadi Menteri, itu senang. Jadi saya minta penyata. (*Laughter*).

Dr Lim Swee Aun: Patut-lah tahu perbezaan peruntokan dengan bantuan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah letrik ini juga, walau pun perkara ini ada berlainan dengan soal yang saya kemukakan, tetapi oleh sebab ini berhubung dengan letrik, dan saya ini hendak memberi kemudahan kepada Timbalan Speaker saya. Ada-kah menjadi satu dasar Kementerian ini kira-nya di-Majlis² Tempatan yang memohon bekalan letrik di-tempat itu, Kementerian ini memberikan bekalan itu?

Dr Lim Swee Aun: Permintaan bekalan letrik dari Majlis² Tempatan mesti di-timbang dahulu.

PERUSAHAAN PELANCHONGAN— KEMAJUAN DAN LANGKAH² DI- AMBIL MENGGALAKKAN-NYA

12. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) apa-kah kemajuan yang telah di-chapai oleh Pejabat Pelanchongan pada tahun 1967 dan berapa jumlah mata wang luar yang telah di-perolehi;
- (b) langkah² yang praktikal yang telah di-ambil bagi menggalakkan Perusahaan Pelanchong;
- (c) sama ada kawasan Gunong Ledang di-Johor akan termasuk di-bawah Ranchangan Kemajuan Perusahaan Pelanchong.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Rekod² bank mengenai pertukaran chek² pengembara luar negeri, atau Overseas Travellers cheques, draft dan surat² credit pengembara yang ditukarkan di-bank² tempatan dan yang di-kumpulkan oleh Jabatan Perangkaan hanya mempunyai angka² bagi masa mula Januari sampai Julai, tahun 1967. Ini menunjukkan bahawa perusahaan pelanchongan dalam tahun

1967 telah mendapatkan hasil bagi Malaysia sa-jumlah 15.39 juta ringgit berbanding dengan 9.57 juta ringgit bagi masa yang sama dalam tahun 1966. Kenaikan sa-banyak 60.8 peratus.

Satu rancangan yang terbesar mengenai pembangunan perusahaan pelancongan di-Malaysia telah pun di-reka oleh Jawatan-kuasa Kerja mengenai pelancongan yang di-pengerusikan sendiri oleh Setia-usaha Tetap, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan laporan Jawatan-kuasa Kerja itu telah pun di-terima pada dasar-nya oleh Kabinet. Shor² terbanyak Jawatan-kuasa Kerja itu ada-lah sedang di-binchangkan di-antara Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan dengan Kementerian² Jabatan² Persekutuan dan Kerajaan² Negeri yang berkaitan, dengan tujuan untuk melaksanakan-nya. Ini ada-lah satu langkah yang sangat penting di-jalankan oleh Kerajaan dalam usaha menyediakan asas yang kukuh bagi pembangunan perusahaan pelancongan di-negeri ini. Satu daripada shor² Jawatan-kuasa Kerja itu, ia-lah semua-nya projek² pembangunan pelancongan yang benar² berfaedah di-beri keutamaan di-dalam rancangan² pembangunan negara.

Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ada-lah berharap untuk mendapatkan khidmat dari sa-buah Sharikat Penasihat luar negeri untuk menjalankan siasatan mengenai tempatan² dan lain² yang mempunyai keistimewaan bagi menarek para² pelancong yang ada di-negeri ini dan sa-terus-nya jika Gunong Ledang di-anggap sa-bagai mempunyai segala keistimewaan yang di-perlukan bagi menarek para² pelancong, ia akan sa-terus-nya di-masokkan di-dalam rancangan pembangunan Kementerian ini keseluruhan-nya.

Dalam pada itu, patut juga di-pertimbangkan bahawa penanaman modal yang besar di-perlukan bagi membena satu kawasan peranginan yang tidak dapat di-kunjongi melalui udara atau laut dan terlalu jauh pula dari jalan raya, maka siasatan dan kajian yang lanjut mesti di-jalankan, kerana penanaman modal sa-umpama itu akan menjadi sia² sahaja, melainkan kawasan² peranginan itu di-bena dengan

keadaan yang sungguh² menarek terutama sa-kali kapada penduduk² tempatan, dan sa-lain dari itu badan² perniagaan tempatan pula mesti-lah mempunyai kesanggupan untuk mengalah segala daya upaya bagi memajukan kawasan² perniagaan sa-umpama itu.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: adakah Yang Berhormat ini sedar kejadian yang baharu ini berlaku di-antara pelancong² yang datang ka-dalam negeri kita ini mereka itu sukakan buah²an saperti durian, tetapi, malangnya hotel yang besar² dalam negeri ini dan kapal terbang juga menegah pelancong kita itu menyimpan buah² ini di-tempat ini? Apa langkah yang di-buat atas masaalah ini?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat sedia sedar buah² durian ini berbau sangat. Kebanyakan orang tidak boleh tahan bau² itu, tetapi ada pula banyak yang suka bau itu. Jadi, di-dalam hotel² oleh sebab pelancong² dari luar negeri yang dudok di-situ kebanyakan tidak boleh tahan bau itu, sebab itu-lah buah² itu tidak boleh di-bawa masok ka-dalam hotel.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di-antara tempat² yang menarek dalam negeri kita ini bagi pelancong² yang datang ada tempat yang mendatangkan merbahaya, saperti Tokong di-Pulau Pinang dengan ular-nya, dan monyet-nya merbahaya kapada pelancong. Jadi dalam masaalah ini, apa ikhtiar atau langkah kapada Kementerian ini supaya mencheegah kejadian ini mendatangkan bahaya kapada pelancong² yang melawat ka-tempat ini?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun tempat² pelancongan ada bahaya, tiap² pelancong yang pergi ka-tempat itu mesti jaga² diri sendiri.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hingga sekarang dapat-kah Menteri Yang Berhormat kita menerangkan kapada Dewan ini berapa banyak-kah kawasan yang di-masokkan ka-dalam senarai tempat² pelancong?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada senarai—tetapi mesti tunggu sampai Sharikat Penaschat luar negeri sampai di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: dapat-kah Menteri ini memberi jaminan bahawa bila penyata itu keluar kawasan Bachok ada termasuk di-dalam-nya (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, jika sa-kira-nya Bachok ada keistimewaan boleh-lah (*Ketawa*).

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan: sa-kira-nya sa-orang pelanchong datang ka-negeri kita, apa-kah kemudahan atau layanan yang di-beri oleh Jabatan Pelanchong kepada mereka itu—kemudahan atau layanan yang di-berikan oleh Jabatan Pelanchong kepada orang yang datang ka-negeri kita?

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, layanan² atau kemudahan² yang di-beri oleh Jabatan Pelanchongan, saya di-beritahu, jikalau sa-kira-nya pelanchong² itu pergi ka-pejabat memintakan kemudahan² dan keterangan² yang di-kehendaki.

PERMINTAAN BARANG² (PIECE GOODS) BUATAN MALAYSIA OLEH NEGERI² EROPAH

13. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan ada-kah benar bahawa beberapa buah negeri Eropah telah meminta supaya Malaysia menyediakan barang² (piece goods) seperti pakaian kerana kos tenaga buroh lebeh murah di-Malaysia, seperti mana hal-nya Malaysia membenarkan Amerika Sharikat membuat baju² buatan Malaysia yang di-buboh Tanda Perniagaan Amerika, dan jika benar, negeri² manakah telah memajukan permintaan seperti itu.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak ada menerima chadangan yang tegas bagi membuat pakaian² yang siap dari negeri² di-Eropah atau Amerika Sharikat. Dalam pada itu, ada empat

buah sharikat yang membuat pakaian sa-umpama itu yang di-ekspotkan ka-Amerika Sharikat; ada di-antara sharikat² tersebut menggunakan lebel buatan Amerika Sharikat mengikut kehendak pembeli².

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi saya di-fahamkan tidak ada permintaan² yang tegas. Jadi, dapat-kah Yang Berhormat Menteri kita ini menerangkan kepada Dewan ini bahawa mesti ada permintaan² yang tegas baharu-lah hendak melayani permintaan itu. Padahal dari segi commercial-nya kalau tidak tegas pun tentu-lah kita membuat initiative itu. Jadi, Yang Berhormat Menteri kita menjawab, tidak ada permintaan yang tegas.

Dr Lim Swee Aun: Jikalau sa-kira-nya, dia tidak minta tegas bagaimana dia hendak mendirikan sharikat di-sini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksud bukan dari segi undang², tetapi dari segi commercial. Kalau dia tidak ada meminta, kalau dia tidak tegas sa-kali pun kita-lah yang membuat inisiative, sebab kita hendak memajukan negeri kita ini. Ini bukan office lawyer, office perdagangan. *We have to go, not to wait.*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi apa soalan tambahan-nya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, soalan tambahan-nya Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini hendak menunggu surat tegas itu dahulu baharu dia hendak usaha.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, dalam Kementerian saya ada satu Jabatan nama-nya FIDA dan FIDA mempunyai tanggung-jawab menarek pemodal² di-luar negeri datang menanam modal di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri kita sedar bahawa baju² seperti kemeja yang di-sebutkan tadi, yang di-buat di-negeri luar itu mendapat sambutan

dan Kementerian kita tidak mengikuti perkembangan atau pun *development* daripada kemajuan ini, dan ada di-negeri² itu yang saya sendiri sudah beli baju itu, saya ingat buatan Amerika; tetapi bila di-bawa balek di-sini, saya kena membayar chukai, rupa²-nya baju itu buatan di-sini. Jadi, ini-lah yang saya bertanya tadi, ada-kah Yang Berhormat Menteri ini hendak meng-ikuti perkembangan itu dengan usaha sendiri dengan tidak payah menunggu permintaan² yang tegas ini? Ada pun FIDA itu apabila sudah nyata benda ini berlaku ma'ana FIDA itu tidak membuat kerja-nya.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, tidak faham.

EKSPOT KAIN² (TEXTILES) KA-NEGERI² AFRIKA

14. Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah Malaysia akan meng-ekspot kain (textiles) ka-negeri² Afrika sa-bagaimana yang di-buat oleh Singapura sekarang;
- (b) ada-kah Kerajaan sedar bahawa negeri² Afrika Timor tertarek dengan chorak² batek buatan Malaysia.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia ada mengekspot kain² dari benang kapas yang di-chap dan chelup ka-negeri² Afrika Timor ter-utama-nya Kenya dan Tanzania. Kita akan mengekspot kain² bukan sahaja ka-negeri² di-Afrika, tetapi juga ka-negeri² yang lain di-mana ada pasaran bagi kain² keluaran negeri ini.

Atas jawapan bagi (b), Ya: kalau tidak, kita tidak akan boleh meng-ekspot ka-negeri Afrika.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah benar bahawa ada pehak² di-Afrika Timor telah menulis surat meminta kain² buatan negeri Kelantan, tetapi permintaan itu di-bekukan, dan di-kirim filem mengenai negeri Kelantan, maka dalam filem itu menunjokkan monyet memanjat pokok kelapa

lebih banyak daripada menyiarkan hal² kain.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat ini sedar dan saya perchaya dia sudah mulai sedar hal itu, apa-kah tindakan yang akan di-buat, ada-kah akan di-layan permintaan itu?

Dr Lim Swee Aun: Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh beri bukti.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sedar, hendak perchaya pula. (*Ketawa*).

Dr Lim Swee Aun: Saya kata, saya harap Ahli Yang Berhormat itu boleh beri bukti—*You can prove that this happened*.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buka rahsia.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan, bukan rahsia di-sini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kita ini pergi sa-kali dengan saya dan permintaan² ini ada berlaku pada masa itu. Jadi, tidak payah-lah saya menerangkan sunggoh-kan atau tidak sunggoh.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahan-nya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Jadi, soalan tambahan-nya ada-kah Yang Berhormat Menteri kita hendak melayani permintaan² itu dengan tidak menunggu bukti² daripada saya?

Dr Lim Swee Aun: Jika tidak silap saya, saya dengar tadi Ahli Yang Berhormat kata ada sa-buah filem yang di-tunjokkan di-Afrika—betul tidak, atau saya dengar silap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Ya.

Dr Lim Swee Aun: Ada sa-buah filem yang di-tunjokkan dalam Afrika yang menunjokkan orang² Kelantan itu kebanyakan ada monyet naik pokok, atau orang Kelantan naik pokok. Yang mana? (*Ketawa*).

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dengan mata saya sendiri dalam filem itu; negeri² lain menunjukkan bandar, tetapi di-negeri Kelantan sa-kali lalu nampak kain, kemudian banyak-nya monyet naik pokok. Jadi, sebab itu-lah

Dr Lim Swee Aun: Boleh-kah Ahli Yang Berhormat itu kata tidak ada monyet dalam negeri Kelantan (Ketawa)?

LAWATAN OLEH SATU ROMBONGAN KESATUAN SA- KERJA MALAYSIA KA-RUSSIA

15. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) apa-kah tujuan lawatan yang dilakukan oleh satu rombongan Kesatuan sa-kerja Malaysia ka-Russia pada akhir tahun lalu;
- (b) ada-kah benar bahawa lawatan itu ia-lah atas jemputan Kesatuan Sa-kerja Russia; dan
- (c) apa-kah kemudahan² yang telah di-berikan oleh Kementerian ini kepada rombongan itu.

Menteri Buroh (Tuan V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, lawatan Perwakilan Ahli² Kesatuan Sa-kerja dari Malaysia ka-Russia ada-lah sa-bagai lawatan Muhibbah sahaja. Lawatan tersebut ada-lah atas jemputan All Union Central Council of Trade Unions di-Russia. Kementerian saya telah memberi pertolongan dalam permohonan Ahli² Kesatuan Sa-kerja untuk mendapat surat Visa.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-sudah kembali-nya rombongan ini, ada-kah Kementerian ini, atau Yang Berhormat Menteri Buroh menerima laporan daripada rombongan itu?

Tuan V. Manickavasagam: Tiada, oleh sebab ini ada-lah kuasa dia sendiri kepada M.T.U.C.

Tuan Abdul Karim bin Abu: Soal tambahan, Dato' Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar dengan lawatan rombongan Kesatuan Sa-kerja pada akhir tahun lalu ka-Russia itu telah berlaku mogok yang

menjadi² dalam negeri ini dan *hartal* serta pula pergadohan berlaku.

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sa-belum dia orang pergi ka-Russia pun sudah ada mogok.

Tuan Ahmad bin Arshad: Bagaimana pengalaman Yang Berhormat Menteri Buroh kita di-antara sistem buroh di-Russia dan juga di-America, saya gemar hendak meminta satu analisa penilaian daripada Yang Berhormat itu, mana sistem lebeh baik, di-Russia-kah atau di-Amerika, yang sesuai dengan sistem perburohan di-negara kita ini?

Tuan V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sistem kita yang baik di-dalam negara kita (*Tepok*).

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Menteri Kesihatan (Tuan Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan,

Bahawa pada tiap² hari persidangan sa-panjang tempoh baki Meshuarat sekarang, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 8.30 malam.

Tuan V. Manickavasagam: Saya sokong.

Usul di-muka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa pada tiap² hari persidangan sa-panjang tempoh baki Meshuarat sekarang, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan sa-hingga pukul 8.30 malam.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan ini di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 10.50 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 11.00 pagi.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan dalam Jawatan-kuasa Perbekalan (Hari Yang Ke-empatbelas).

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-kan Jawatan-kuasa Perbekalan*)

JADUAL

Kepala B. 67—

Perbahathan di-sambong sa-mula atas Masaalah, Kepala B. 67, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan yang di-minta oleh Kementerian ini. Sa-lain daripada itu saya menyentoh beberapa perkara diantara satu daripada-nya berhubung dengan Kementerian Kebajikan 'Am ini. Tuan Pengerusi, berhubung dengan, dukachita-nya saya dan juga ra'ayat dalam negeri ini, bahawa Kementerian ini tidak ada mempunyai satu bangunan yang baharu. Tidak, macham Kementerian² yang lain, ada mempunyai bangunan yang baharu saperti baharu² ini, Kementerian Penerangan dan Siaran Radio, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Yang kita dukachita-nya bangunan yang ada sekarang itu bangunan-nya uzor kemudian bila mana pula kalau musim banjir tempat itu di-masoki oleh ayer. Jadi saya harap Kementerian ini supaya bersungguh² membuatkan satu tuntutan kepada Kerajaan supaya dapat sa-buah bangunan baharu kepada Kementerian ini.

Apa-kah sebab-nya Kementerian ini tidak di-berikan bangunan baharu. Mungkin juga Kementerian ini tidak ada menerbitkan hasil dalam negeri macham Kementerian² lain, tetapi kita mesti banggakan bahawa Kementerian ini telah membuat kebajikan kepada ra'ayat negeri ini dan Kementerian ini juga ada mengeluarkan hasil negara berhubung dengan Loteri Kebajikan Masharakat. Bila saya berchakap Loteri Kebajikan Masharakat, saya harap Kementerian ini dapat memikirkan dan mengkajikan balek urusan harga tiket loteri Kebajikan Masharakat yang di-jual sekarang dengan harga \$1.00. Saya fikir patut kita

turunkan 50 sen, tujuan-nya supaya dapat ramai ra'ayat dalam negeri ini menggantungkan nasib kebahagiaan-nya kapada loteri dan dapat kita membasmikan atau melawan loteri² yang haram dalam negeri atau loteri yang halal dalam negeri ini dengan di-jual harga 50 sen. Juga, kita harap supaya hadiah sagu hati itu di-luaskan,—hadiah sagu hati \$100 itu kita luaskan biar ramai ra'ayat merasai nasib-nya kapada jualan tiket loteri Kebajikan Masharakat.

Saya menyentoh, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Kementerian ini telah banyak mendirikan rumah² kerana membaikkan akhlak, sama ada laki², perempuan termasuk kanak², tetapi satu perkara yang saya fikir patut Kementerian ini memikirkan bagi membuat kebajikan kapada satu jenis manusia yang tidak di-pandang pada masa ini oleh Kementerian ini, ia-itu saya fikir patut mendirikan sa-buah rumah kerana manusia yang rosak hati, sa-bagai rumah pelindung bagi sakit ini, rumah perlindungan isteri² yang bergaduh besar dengan suami-nya, kadang² kala meninggalkan rumah dengan tidak tentu hala. Kita dapat kenyataan dalam surat khabar, isteri-nya hilang, isteri² ini boleh datang ka-rumah yang saya katakan ini, dan isteri ini boleh di-tumpang di-rumah itu sa-lama 21 hari tidak di-benarkan membawa anak mereka. Dengan keadaan yang sa-macham ini perubahan hati suami yang marah kasar itu kapada isteri-nya akan lembut, tatakala itu dia akan mengambil isteri-nya dan hidup-lah mereka itu dengan aman damai dalam rumah tangga-nya. Saya fikir rumah rosak hati ini mustahak Jabatan Kebajikan Masharakat ini supaya di-dirikan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya hairan dalam Kementerian ini membuat satu ta'arif berhubung dengan hendak menghulorkan bantuan kerana benchana malapetaka—bantuan benchana alam. Jadi ta'arif ini yang saya tidak faham, kami di-negeri Johor baharu² ini telah di-serangi oleh banjir, di-serangi oleh banjir pada masa akhir tahun yang lalu, satu serangan yang hebat bukan sahaja merosakkan harta

benda dan banyak nyawa telah terkorban dengan sebab banjir itu, kebun-nya banyak musnah, orang-nya banyak di-pindahkan ka-tempat² yang tinggi, di-tempat² di-Kota Tinggi, di-kawasan Yang Berhormat sendiri di-Pontian. Saya ucapkan tahniah kepada Pegawai Jabatan Kebajikan Negeri Johor yang begitu chergas mengambil bahagian menyelamatkan dan memberikan kemudahan kepada mangsa² banjir yang hampir 100,000 orang. Apa yang saya dukachitakan sedikit ia-lah Kementerian ini sangat lambat menghantarkan bantuan² yang perlu patut di-terima oleh mangsa² banjir itu. Kalau ada pegawai² tertinggi daripada Kementerian ini, atau juga Yang Berhormat itu sendiri, melawat mangsa² banjir itu ayer-nya sudah surut tidak macham waktu banjir di-sa-belah Pantai Timor, sa-chara kilat mereka² itu datang. Sudah-lah begitu di-buatkan satu pengistiharan kepada mangsa² banjir Negeri Johor bahawa, kamu tidak berhak menerima bantuan derma benchana alam. Jadi, saya tidak tahu-lah ta'arif benchana alam ini macham mana yang layak di-terima oleh mangsa² banjir. Oleh itu saya fikir kalau boleh di-timbangkan sekarang mangsa² banjir dalam kawasan yang saya sebutkan ini, sebab dalam Negeri Johor atau Batu Pahat banjir-nya tidak macham di-Kelantan, banjir sampai 21 hari, ayer itu belum kering lagi. Dalam masa 21 hari ini pokok getah itu maseh tenggelam lagi, orang maseh tidak boleh menoreh lagi. Jadi, keadaan pemulehan hidup pada mereka itu pada masa sekarang belum dapat di-katakan menyenangkan. Jadi, kalau boleh dapat-lah Kementerian ini memikirkan, mengeluarkan peruntukan wang daripada bantuan benchana alam ini kepada mangsa² banjir yang ada di-Negeri Johor itu. Sa-kurang²-nya Dato' Pengerusi, macham kawasan Yang Berhormat itu Tuan Pengerusi, pokok getah itu semua tenggelam, chawan² getah itu semua hanyut; kalau di-beri satu ekar \$5 sahaja kerana membeli chawan getah, mereka hendak menoreh getah, itu pun satu bantuan kepada membaiki taraf hidup orang yang kena banjir. Saya fikir sa-takat ini-lah, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, yang

dapat saya katakan dalam Kementerian ini walau bagaimana pun saya menyokong penoh permintaan ini, dan saya lagi sa-kali menegaskan bahawa Kementerian ini perlu di-adakan satu bangunan baharu bagaimana Menteri² yang lain. Sa-kian-lah, terima kasih.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan yang di-minta oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am ini, dan saya rasa bahawa ini-lah Kementerian yang menjadi tempat bergantungan ra'ayat di-dalam kesusahan, di-tempat bergantung² harapan kepada masa kechemasan, sa-panjang jalan hidup orang ramai di-negeri kita ini. Saya suka menyentuh sedikit tentang perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli dari Muar Utara tentang bantuan kepada mangsa² bah atau banjir. Saya rasa peranan Kementerian ini telah membantu mangsa² banjir baik di-Johor, baik di-Pantai Timor, baik pun di-Sabah ada-lah peranan yang patut mendapat penghargaan daripada semua pehak, kerana bantuan yang di-beri dan perhatian yang di-beri oleh Kementerian ini dalam keadaan banjir itu ada-lah perhatian yang bersungguh², dan saya rasa memang-lah tidak ada perbezaan antara sa-tempat dengan sa-tempat sa-panjang yang saya nampak dari jauh.

Saya rasa tidak berapa elok di-timbulkan dalam Dewan ini kalau katakan Kementerian ini beri perhatian lebeh berat pada Pantai Timor dan kurang berat pada Pantai Barat, kerana saya rasa banjir ini tidak kenal timor atau barat, utara atau selatan, dan mana² tempat menjadi mangsa kepada banjir ini perhatian di-beri sama oleh pehak Kementerian ini.

Keadaan banjir di-Pantai Timor pada tahun lepas satu perkara yang luar biasa, kerana banjir itu sungguh² hebat, bahkan tidak ada dalam sejarah di-Pantai Timor banjir yang lebeh besar daripada itu. Pada sa-tengah² orang banjir pada tahun yang lepas itu di-katakan lebeh besar lagi daripada banjir yang di-alami pada tahun 1956 yang dinamakan banjir "Ayer Merah" itu. Jadi, saya rasa segala bantuan yang di-beri kepada mangsa² banjir di-Pantai Timor

pada tahun lepas ada-lah bantuan yang memang patut di-beri, dan memang tidak menjadi satu perkara yang patut menimbulkan iri hati di-tempat² atau kawasan² yang lain. Saya rasa ukoran Kementerian ini memberi bantuan adalah ukoran di-mana tempat yang patut di-beri perhatian yang lebih dan di-mana tempat yang benchana-nya lebih di-deritai oleh penduduk² kawasan itu.

Hanya, Tuan Pengerusi, pada tahun ini banjir sudah mogok, tidak datang ka-Pantai Timor. Jadi dengan sebab mogok-nya banjir di-Pantai Timor pada tahun ini kurang-lah sedikit barangkali bantuan yang patut-nya di-churahkan atau pun yang patut-nya di-khaskan untuk Pantai Timor itu. Saya ada satu chadangan, Tuan Pengerusi, tentang perkara ini, kerana saya rasa bahawa walau pun banjir telah mogok di-Pantai Timor pada tahun ini, shukor-lah Alhamdulillah, tetapi mangsa² daripada musim tengkujuh tidak kurang. Yang saya maksudkan ia-lah nelayan², kaum nelayan di-Pantai Timor pada masa ini, sa-bulan dua bulan ini tidak dapat turun ka-laut dengan baik kerana angin dan kerana musim-nya, walau pun bah tidak ada. Dan pada tiap² tahun nelayan² di-Pantai Timor yang saya rasa tidak kurang daripada 30,000-40,000 orang ada-lah mengalami nasib yang sa-rupa.

Saya rasa patut-lah pihak Kementerian Kebajikan 'Am ini menjalankan sa-suatu ranchangan bagi memberi bantuan atau memberi pertolongan kepada kaum nelayan yang memang sangat miskin di-Pantai Timor itu dalam menghadapi masa satu bulan, dua bulan, atau tiga bulan, musim tengkujuh, di-chari-lah sedikit peruntukan, di-buat-lah sedikit survey atau penyelidikan di-mana² kaum nelayan yang susah dalam masa musim tengkujuh, kerana pendapatan nelayan ini terlalu sedikit, dan pada sa-tengah² tempat dalam musim tengkujuh ini makan tidak sempurna, pendapatan tidak ada, dan kadang² mereka ini akan berhutang taukeh² atau taukeh² pukut yang akan di-bayar kelak pada masa sa-telah datang musim menangkap ikan, ia-itu sa-telah habis musim tengkujuh. Jadi pendapatan pada masa bulan lima, bulan enam, bulan tujuh sudah di-ikat

dengan hutang yang di-ambil pada bulan satu dan dua. Dan akhir-nya sampai pada bulan lima, nasib mereka walau pun bekerja keras siang dan malam turun ka-laut menangkap ikan dapat sedikit sa-banyak, tetapi pendapatan itu sudah di-gadai kepada taukeh² ini untuk membayar dan menjelaskan hutang² yang di-ambil dalam masa musim tengkujuh ini. Maka sebab itu saya merasa sangat patut satu scheme di-timbangkan oleh pihak Kementerian ini, ia-itu satu jenis tabong, sa-jenis fund, di-khaskan bagi memberi pertolongan kepada kaum nelayan yang susah dan miskin ini, pada masa musim tengkujuh, sama ada banjir datang atau tidak datang, sama ada banjir mogok atau tidak mogok, kerana kesusahan dan penderitaan ini tetap di-deritai oleh nelayan² dan orang² yang bekerja di-laut ini pada sa-tiap tahun, pada sa-tiap masa musim tengkujuh datang. Maka itu-lah saya rasa patut sangat-lah scheme atau projek ini di-timbangkan supaya dapat di-atorkan suatu chara pertolongan yang terator kepada mereka ini oleh kerana tiada tempat lain bagi mereka hendak menggantungkan harapan dan pertolongan sa-lain daripada chara yang begini.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya suka-lah hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kebajikan 'Am ini tentang suatu undang² yang telah di-janjikan oleh Yang Berhormat itu pada tahun lepas dalam Dewan ini ia-itu pihak Kementerian-nya sedang menggubal Undang² Menchehag Pelachoran yang akan di-jadikan undang² meliputi seluruh negara kita ini. Sa-takat mana-kah undang² ini sudah di-gubal dan bila-kah dia akan di-kemukakan, kerana kepentingan undang² ini sangat besar dan tidak boleh kita menunggu masa yang lebih lama untuk mengemukakan undang² kepada Dewan ini bagi di-luluskan dan di-laksanakan bagi menjaga moral dan menjaga budi pekerti di-dalam negara kita ini supaya dengan demikian maka banyak-lah kebajikan yang akan dapat di-chapai oleh negara kita dengan adanya undang² yang seperti itu. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masharakat supaya mengemukakan undang² itu sa-berapa segera yang boleh

dan saya rasa bahawa seluroh Ahli² Dewan ini akan memberi sa-penoh sokongan kepada undang² itu bila di-kemukakan.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, yang saya suka sentoh ia-lah tentang bantuan kepada kanak² sekolah yang miskin. Perkara ini sa-makin sa-tahun sa-makin besar kerana makin bertambah ramai anak² kita masuk sekolah dan makin bertambah ramai anak² kita yang masuk ka-Sekolah Menengah Rendah. Dan bagi ibu-bapa di-kampong² memang sangat sukar-lah untuk hendak menyarakan bayaran buku kanak² ini. Jadi saya rasa walau pun ada kerjasama Kerajaan Negeri bagi memberi bantuan buku² kepada kanak² miskin ini, saya berharap bahawa pihak Kementerian ini sendiri akan beri peruntukan yang lebeh besar bagi menolong dan memberi bantuan kepada kanak² miskin ini, kerana kalau tidak di-beri demikian, maka akan tergendalah banyak anak² kita yang masuk ka-sekolah yang kadang² daripada anak² di-kampong² itu banyak yang mempunyai otak yang bergeliga, tetapi oleh kerana kemiskinan, kerana keadaan ekonomi, maka mereka tidak dapat meneruskan pelajaran oleh kerana tidak mampu hendak membeli buku² sekolah. Maka oleh sebab itu perhatian lebeh besar daripada Kementerian ini dalam perkara ini saya harap dapat di-beri supaya perkara ini dapat kemajuan yang lebeh baik.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong perbekalan bagi Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am, dan saya ingin-lah berchakap sedikit yang pertama, ia-itu mengenai peruntukan wang bantuan untuk di-berikan kepada orang² yang patut dapat bantuan melalui Jawatan-kuasa chawangan Pusat Majlis Kebajikan bagi tiap² daerah dalam negara kita ini. Oleh kerana terlambat sampai wang itu, maka banyak-lah di-antara orang² yang patut dapat bantuan ini tertunggu² dan ada kala-nya mereka ini putus asa hendak mendapatkan wang bantuan ini.

Dengan yang demikian saya berharap-lah pihak yang berkenaan tolong-lah ambil perhatian yang berat di-atas

perkara ini supaya peruntukan bagi tiga bulan sa-kali itu di-sampaikan dengan sa-chepat mungkin kepada Jawatan-kuasa Pusat Majlis Kebajikan bagi tiap² tempat yang di-adakan. Saya dapat tahu peruntukan tiga bulan sa-kali bagi tahun 1967 pun belum dapat lagi. Kalau di-beri pun pada tahun ini, ia-lah peruntukan akhir tahun 1966 yang dapat bagi Jawatan-kuasa Pusat Majlis Kebajikan Daerah, yang mana saya sendiri menjadi Pengerusi dan saya tidak dapat. Saya perchaya Majlis² yang lain², chawangan² yang lain² pun bagitu juga. Oleh kerana chara peratoran-nya itu, sangat rumit sedikit tiap² chawangan menerima bantuan melalui chawangan Pusat Negeri. Molek-lah saya shorkan di-sini supaya Pusat di-Kuala Lumpur ini hantarkan wang bantuan itu terus kepada chawangan² yang sudah pun selesai dan telah pun menghantar penyata mengenai bayaran kepada orang² yang telah pun menerima bayaran-nya itu. Manakala Pusat memuaskan hati dan sudah dapat penyata bayaran itu terus hantarkan tiga bulan yang hendak di-hantar kepada chawangan ini supaya dapat tiap² Jawatan-kuasa itu berjalan lebeh baik lagi sehingga tidak-lah payah mereka itu menunggu² sa-hingga orang² yang susah itu datang ka-rumah Ahli² Jawatan-kuasa menuntut wang yang mereka patut dapat.

Di-dalam daerah Seberang Prai Utara mempunyai lebeh kurang 400 orang yang sudah biasa menerima bantuan² ini dan saya harap-lah pihak yang berkenaan tolong-lah ambil perhatian supaya di-percepatkan lagi.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, ia-lah mengenai Hari Bendera Jawatan-kuasa berpengalaman sangat-lah susah hendak menganjorkan Jualan Bendera sa-tahun sa-kali. Saya berchadang supaya Hari Jualan Bendera ini di-hapuskan dan oleh kerana wang daripada Loteri Kebajikan Masharakat ini kita dapat banyak, patut-lah di-tambahkan daripada Kumpulan Loteri Kebajikan Masharakat ini, kerana sungguh pun nampak-nya mudah, tetapi penyelenggaraan-nya itu sangat-lah rumit, sangat susah dan pendapatan-nya pun tidak berpatutan. Oleh yang demikian saya berharap-lah supaya pihak yang berkenaan timbang

supaya Hari Bendera ini dapat dihapuskan dan di-tambahkan wang yang berpatutan.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya menarek perhatian Yang Berhormat Menteri mengenai perkara yang selalu menjadi² dalam negara ini mengenai pelachoran. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara mengatakan bahawa patut di-adakan satu undang². Pada pendapat saya memang undang² itu sudah ada dalam negara kita ini untuk menchegeh pelachoran, tetapi malang-nya orang yang di-pertanggung-jawapkan menjalankan undang² ini tidak jalankan tugas masing² untuk hendak menchegeh pelachoran daripada berluas²an dan menjadi². Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, kita telah pun meluluskan beberapa undang² untuk hendak mengurangkan kejadian². Yang pertama kita telah meluluskan satu undang² dan mengadakan chara² judi tikam ekor yang di-lesenkan di-tiap² pekan.

Yang kedua kita telah pun luluskan undang² Loteri Lumba Kuda. Baharu² ini kita telah pun luluskan satu undang mengenai kumpulan wang di-satu bola-sepak atau Football Pool bertujuan ia-lah untuk mengawal dan menchegeh-nya. Saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya menimbang sama ada kemungkinan patut kita keluarkan satu lesen kepada pelachor² dalam negara kita ini dan di-tempatkan—mereka² ini di-tempat² yang khas yang mana dapat segala pelachor² yang ingin melachor di-beri lesen di-tempat², di-bandar² mithal-nya yang negeri itu terima supaya dapat kita tempatkan mereka itu di-sana dan dapat-lah lachor² itu di-pereksa oleh Pegawai² Perubatan dan dengan ada-nya pemeriksaan oleh Pegawai² Perubatan maka sakit perempuan yang kita katakan tidak dapat merebak dan boleh di-kawal dan juga moral dan akhlak daripada orang² yang menjalankan pelachoran itu kita tentukan orang ini-lah orang yang menjalankan pelachoran dan mudah-lah di-kawal luar daripada bangunan, atau kawasan yang di-tentukan, yang di-lesenkan itu dapat-lah Pegawai² Polis mithal-nya mengambil tindakan yang tegas untuk menangkap luar daripada kawasan itu.

Saya berchakap ini ia-lah dari segi pendapat saya di-beberapa negara yang telah pun menjalankan undang² ini sa-bagaimana di-India, saya tahu di-Hong Kong dan di-negeri² lain nampak-nya dapat kekurangan pelachoran ini yang sudah daripada beberapa ribu tahun sudah berjalan, tetapi tidak dapat kita menchegeh dan menghapuskan tetapi chuma kita dapat mengurangkan dan juga mengawal penyakit² yang harus merebak kepada orang² yang lain, dan dengan ini saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri akan menimbang sama ada dia fikirkan patut kita adakan perkara yang sa-macam itu untuk membaiki akhlak dan juga moral bagi belia² kita daripada pemuda² kita yang banyak terlibat, boleh kata ada di-antara mereka itu terlibat dan menjatuhkan moral dan juga akhlak mereka itu.

Tuan Haji Abdul Hamid Khan:

Tuan Pengerusi, saya akan chuba menjawab beberapa perkara yang telah di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam masa membahathkan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah membangkitkan berkenaan dengan orang² buta yang sudah terlateh membuat bakol patut-lah di-beri layanan dan kemudahan² supaya mereka tidak terpaksa merayau² untuk menjual bakol² mereka seperti mereka yang tinggal di-Kampung Dato' Keramat itu. Bagi menjawab-nya suka-lah saya menyatakan bahawa Badan Pemasaran Kementerian ini memang-lah di-tubuhkan untuk orang² buta dan chachat yang telah terlateh. Dengan meyeritai Badan Pemasaran ini mereka akan di-beri rotan² dengan harga pokok dan bakol² mereka akan di-beli terus oleh Badan Pemasaran ini. Pada masa ini ada 40 pekerja buta dan chachat yang mengambil bahagian. Berkenaan dengan pekerja² buta yang tinggal di-Kampung Dato' Keramat ada dua tiga orang yang telah menyertai ranchangan Badan Pemasaran Persatuan.

Bagi orang² buta Tanah Melayu persatuan ini telah di-beri tugas yang sama untuk semua pekerja² buta dan

chachat yang tinggal dalam Negeri Selangor. Kebanyakan daripada budak² buta yang tinggal di-kampung tersebut sudah hilang kemahiran-nya untuk membuat bakol daripada rotan kasar. Oleh itu persatuan tersebut berchadang akan mendirikan sa-buah pusat latehan dan kerja di-Kampung Dato' Keramat untuk memberi latehan sa-mula kepada mereka dan kemudian-nya bekerja di-situ. Persatuan tersebut sedang berusaha untuk mendapatkan sa-keping tanah bagi mendirikan bangunan yang di-chadangkan. Apabila siap kelak tidak-lah payah pekerja² buta yang tinggal di-kampung itu merayau² dan meraba² di-merata tempat ka-sana ka-mari untuk membeli bahan² mentah yang di-perlukan dan juga untuk menjual bakol² yang telah di-buat oleh mereka.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan ia-itu beliau juga ingin mengetahui bilangan pengemis² dan kutu² rayau yang telah di-tahan semenjak perlaksanaan Act Kutu Rayau itu. Bagi menjawab-nya saya suka-lah menyatakan bahawasa-nya bilangan pengemis² dan kutu² rayau yang telah di-tangkap dan di-tahan semenjak tahun 1965 hingga akhir tahun 1967 ia-lah sa-banyak 1,280 orang. Angka ini tidak termasuk pengemis² yang telah di-beri bantuan di-bawah Rancangan Bantuan 'Am Negeri masing² dan di-bawah Rancangan Pemulihan Kementerian ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor tentang ketiadaan peruntukan yang di-tunjukkan untuk guru² ugama bagi mengajar gadis² yang di-tahan didalam Pusat Perlindungan bagi gadis² dan wanita. Beliau menegaskan tentang penting-nya latehan akhlak bagi memulehkan gadis² yang sa-umpama itu. Saya bersetuju dengan apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang penting-nya kita memberi latehan akhlak kepada gadis² yang didalam jagaan Kementerian ini sa-benar-nya kita memang mempunyai satu peruntukan yang berasingan di-bawah Pechahan-kepala 22—Kemudahan² dan Pengajaran untuk mengambil guru² ugama mengajar di-pusat² yang sa-umpama itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menchadangkan supaya orang² tua yang dapat bantuan 'am hendak-lah terus menerima bantuan ini sa-hingga akhir hayat mereka. Kata-nya orang² tua yang sa-umpama ini tidak mahu masuk dan tinggal di-Rumah² Orang Tua. Peruntukan bagi bantuan 'am kata-nya patut-lah di-tambah supaya bantuan yang berpanjangan dapat di-beri kepada orang² tua yang sa-umpama itu. Untuk menjawab-nya, saya suka menyatakan bahawasa-nya ranchangan² bantuan 'am kepada orang² miskin dan yang berkeperluan sa-benar-nya ia-lah menjadi tanggong-jawab Kerajaan satu² negeri, ia-itu Negeri masing². Sunggoh pun begitu saya ingin menerangkan, ia-itu biasa-nya orang² tua yang dzaif dan tidak mempunyai kemampuan akan di-beri bantuan sa-panjang masa sa-hingga akhir hayat mereka. Tetapi kedudukan tiap² sa-orang yang menerima bantuan itu perlu-lah di-kaji tiap² enam bulan atau sa-tahun sa-kali untuk menentukan yang mereka itu maseh lagi memerlukan bantuan. Jikalau mereka dapati maseh perlukan kepada bantuan, bantuan itu akan di-teruskan sa-hingga mereka meninggal dunia.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat berchakap berkenaan dengan bantuan pelancharan. Ahli Yang Berhormat itu telah meminta supaya bantuan pelancharan di-beri kepada nelayan² yang telah menjadi mangsa perompak di-tengah laut. Kata-nya pada masa ini banyak sunggoh nelayan² yang tinggal di-pantai² daripada Kukup hingga ka-Muar yang telah menjadi mangsa perompak yang sa-umpama ini.

Saya suka memberi tahu bahawasa-nya bantuan pelancharan di-bawah Pechahan-kepala 14 berjumlah \$800 itu ia-lah untuk memulehkan kembali pekerja² chachat yang telah di-lateh supaya mereka dapat membuat satu² pekerjaan yang berfaedah dan berdikari. Berkenaan dengan bantuan kepada nelayan yang menjadi mangsa perompak di-tengah² laut Kerajaan sedang menimbangkan satu ranchangan untuk menolong mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah menegor chara pengawasan dan pentadbiran yang di-adakan dalam Rumah² Orang² Tua sa-umpama-nya dalam Yayasan² yang di-kekelolakan oleh Kementerian ini. Kata-nya, kekurangan pengawasan ada-lah menggambarkan bahawasa-nya Kementerian ini tidak memberi perhatian berkenaan dengan bilangan Rumah² dan Yayasan² yang tersebut dengan baik. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menegor tentang peruntokan sa-banyak \$150 sahaja di-bawah Pechahan-kepala 41 untuk Kemudahan dan Pengajaran. Ia menhadangkan su-paya kemudahan² di-tambah lagi kalau kita hendak mengurangkan beban orang² chachat di-lateh dan memandu mereka. Berkenaan dengan pengawa-san dan pentadbiran Rumah² Orang Tua dan Yayasan² yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu boleh jadi Yang Berhormat itu memaksud-kan Rumah² dan Yayasan yang di-kekelolakan oleh badan² dan pertubohan sukarela. Saya suka menyatakan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-itu rumah² kebajikan ini ada dua macham: satu yang di-kekelolakan oleh badan² suka-rela yang di-beri bantuan oleh Kera-jaan dan juga satu yang di-kekelolakan Kementerian saya sendiri. Pengawasan dan pentadbiran Rumah² dan Yaya-san² yang di-kekelolakan oleh Kement-erian saya sendiri ada-lah sentiasa mengawaskan dan chara pentadbiran dan pengawasan yang di-jalankan oleh Kementerian ini ada-lah sentiasa men-dapat pujian daripada pelawat² luar negeri.

Berkenaan dengan peruntokan sa-banyak \$150 di-bawah Pechahan-kepala 41. Sa-benar-nya peruntokan ini ia-lah untuk asrama dan tempat tahanan sementara di-Sabah yang belum lagi siap dan hanya akan siap di-bena pada akhir tahun 1968 ini. Itu-lah sebab-nya peruntokan di-sedia-kan untuk sa-bulan sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah membangkitkan berkenaan dengan Kementerian Kebajikan 'Am tidak ada mempunyai sa-buah bangun-an yang baharu dan beliau berharap supaya bangunan baharu dapat di-adakan. Beliau juga mengshorkan

ia-itu supaya tiket² loteri Kebajikan Masharakat ini di-turunkan harga-nya daripada \$1 kepada 50 sen, dan hadiah² di-luaskan dan juga supaya Kementerian mendirikan Yayasan² untok orang² yang rosak hati, umpama-nya, isteri² yang bergaduh dengan suami dan sa-bagai-nya, dan bantuan benchana alam tidak di-hulorkan di-Johor sa-bagitu segera. Saya suka menyatakan ia-itu saya sangat-lah berasa gembira apabila mendengar Ahli Yang Berhormat itu menyatakan Kementerian saya ini ada-lah sa-buah bangunan yang chukup tua. Tetapi saya suka-lah memberitahu, ia-itu satu ranchangan untok mengadakan satu Kementerian baharu, bangunan yang baharu untok Kementerian ini akan dapat di-adakan di-Jalan Gurney dengan di-satukan bersama² dengan Jabatan² Kerajaan yang lain.

Bagi menjawab soalan dua dan tiga tadi, saya akan memberi pandangan di-atas chadangan² ini ia-itu berkenaan dengan tiket² loteri tadi.

Berkenaan dengan banjir di-Johor, saya suka menyatakan ia-itu bantuan untok banjir ini ada-lah di-uruskan dan menjadi tanggung-jawab Kerajaan satu² negeri dan kita Kerajaan Pusat ada-lah memberi bantuan sa-telah di-minta oleh Kerajaan Negeri. Bagai-mana pun saya suka menyatakan, ia-itu dalam banjir di-Johor kita telah menghantar tidak kurang daripada 685 guni beras kepada Negeri Johor dan kita sedang memikirkan dan mengurus-kan lagi permintaan² yang mana perlu yang di-minta oleh negeri itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara telah membangkit-kan berkenaan dengan bantuan kepada nelayan² yang berkehendakkan pertolongan, undang² menchegeh pelachoran dan bantuan persekolahan. Tuan Penge-rusi, bagi menjawab-nya, saya suka menyatakan bantuan kepada nelayan² ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan yang telah sudah bantuan ini telah pun di-beri kepada nelayan² yang tersebut. Jadi, tiap² nelayan atau sa-siapa juga yang kesempatan ke-hidupan-nya dapat-lah mengadu hal keadaan diri-nya kepada Jabatan² Kebajikan dan kesulitan mereka itu

akan di-kaji dan di-siasat dan bantuan di-beri, jika perlu.

Berkenaan dengan pelachoran pada masa ini, Kerajaan memang ada undang² untuk kawalan wanita² dan orang² perempuan, yang sedang di-uruskan. Undang² ini sedang di-kaji sa-mula supaya dapat mengikuti peredaran masa. Jadi, memang-lah ada pelachoran sa-bagai yang telah di-bangkitkan oleh dua tiga orang tadi yang berchakap berkenaan dengan pelachoran ini. Tetapi ada Undang² Pelachoran, dan memang ada Undang² Khalwat dari Jabatan Ugama yang tersentuh kepada orang² Muslim, tetapi untuk menjalankan undang² ini ada-lah tanggung-jawab pihak Polis.

Bantuan persekolahan ini juga, Tuan Pengerusi, ada-lah tanggung-jawab satu² Kerajaan Negeri dan tiap² Negeri yang saya tahu ada-lah membuat peruntukan bantuan 'am untuk memberi bantuan bukan sahaja kepada orang² yang susah, akan tetapi termasuk juga bantuan kepada buku² sekolah², bagitu juga ada Negeri yang saya dapat tahu memang ada bantuan ini dan tiap² daerah pun ada menubuhkan Jawatankuasa bagi mengkaji perkara² bantuan sa-umpama ini.

Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh-lah kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara itu yang telah menjelaskan ia-itu bahawasa-nya tidak ada perbezaan yang di-beri di-antara mana² satu negeri di-dalam Malaysia ini sama ada di-Pantai Barat, di-Pantai Timor, di-Johor, di-Sabah dan lain² berkenaan dengan bantuan kepada orang² susah atau pun kepada banjir.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara menchadangkan supaya pelachor² di-beri lesen. Saya maseh ingat lagi masa saya budak² dahulu memang ada saya tengok rumah² pelachor yang di-beri lesen, akan tetapi saya fikir kalau saya tidak silap-lah pada tahun 1910 hingga tahun 1912-1913 bagitu, tetapi jikalau kita berbalek pada zaman dahulu berma'ana-nya kita telah "gustan" atau undor ka-belakang. Dan juga di-bawah League of Nations Convention berkaitan dengan pelachor²,

pelachor² tidak di-benarkan di-beri lesen. Ini, di-bawah apa yang saya katakan tadi, League of Nations Convention oleh kerana negeri ini adalah Ahli Convention ini, maka tidak-lah dapat kita mengambil tindakan di-atas chadangan Ahli Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan kelambatan memberi bantuan kepada Lembaga Pusat Kebajikan dan chawangan²-nya saya dukachita ma'alumkan ia-itu oleh kerana kira² account di-chawangan² maka beberapa siri telah tertinggal. Jadi, account (kira²) ini yang telah di-buat oleh chawangan² ini, kalau dia sampai pun kepada pihak yang bertanggung-jawab berkenaan dengan perkara ini kadang² kira² itu ada silap dan terpaksa di-hantar balek. Dengan ini maka pemberian bantuan kepada Lembaga Pusat dan Chawangan²-nya telah terlewat.

Flag Day atau hari mengutip derma patut-lah di-galakkan kerana dengan ini maka dapat-lah orang² ramai merasa sedar di-atas kewajipan mereka dan tanggung-jawab mereka untuk menolong orang² yang susah. Juga badan² sukarela di-kehendaki sa-bagai satu dasar mengutip derma supaya memberi peluang kepada orang² ramai menolong mereka yang berkehendakkan bantuan. Jadi, saya kerap kali di-mana saya berchakap pun saya menyatakan ia-itu kebajikan ada-lah satu perkara bukan menjadi tanggung-jawab Kerajaan sahaja, akan tetapi bagi tanggung-jawab sa-umum-nya ia-itu kita sama² mesti ada itu *civic consciousness* atau satu perasaan tanggung-jawab kepada orang² yang kurang bernasib baik daripada kita. Dan Flag Day ini ada-lah satu chara memberi peluang kepada orang² ini membuat derma dan sa-bagai-nya dan untuk menolong mereka yang tidak berkeupayaan dan menderita. Sekian-lah, Tuan Pengerusi.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$5,659,933 untuk Kepala B. 67 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala² B. 68, B. 69, B. 70, B. 71 dan B. 72—

The Minister of Works, Posts and Telecommunications (Tun V. T. Sambanthan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure shown under Heads B. 68, B. 69, B. 70, B. 71 and B. 72 under the Ministry of Works, Posts and Telecommunications totalling \$114,370,093 be approved.

Taking Head B. 68 first, a sum of \$10,861,620 is asked for to meet the Personal Emoluments of the Secretariat, Public Works Division, Common-user Services, Annually Recurrent Expenditure as well as Other Charges Special Expenditure. This amount indicates a decrease of \$953,413 from the provision approved for the year 1967. This decrease is due to the fact that funds normally approved for replacement of Plant and Vehicles under Special Expenditure is now entered in the Development Estimates. This transfer of provision has been agreed to so that purchase of Plant and Vehicles could be made by way of international tender together with those required for development projects.

With the object of minimising delay on electrical works in Government projects, the Ministry has now established its own Electrical unit in the Public Works Division. This unit is responsible for new electrical works and when it has been firmly established will eventually take over maintenance of electrical works in Government buildings throughout West Malaysia. The unit has commenced taking over new works from the Contract Division of the National Electricity Board.

With effect from 1st January, 1968, the Department of Posts and Telecommunications, Borneo Region has been re-organised into separate Postal and Telecommunications Department in Sabah and Sarawak. However the post of Regional Director, Posts and Telecommunications, Borneo Region is retained for an interim period. In addition a post of Adviser of Posts and Telecommunications, Borneo Region has been created in the Ministry Headquarters.

Taking Head B. 69 next, a total sum of \$30,318,520 is requested for the year 1968 for the whole of Malaysia, which represents an increase of \$321,966 over the 1967 provision. The increase is mainly due to the fact that as from 1968 the cost of maintenance of F.L.D.A. access and internal roads is raised to \$4,500 and \$3,000 per mile respectively as against \$2,500 per mile spent in 1966 and 1967. It is necessary to raise the standard of maintenance in view of the increase in the number of vehicles using these roads.

Coming to Head B. 70, the total provision sought for 1968 is \$24,212,177 showing an increase of \$552,161 over that of 1967. Under Personal Emoluments a sum of \$17,180,988 is required for 1968. This shows an increase of \$615,233 over the provision for 1967 which is due to the creation of new posts of Deputy Postmaster-General, Superscale "E", Controller of Posts, Superscale "J", Assistant Controller of Posts and a few other posts in Divisions III and IV both in Headquarters as well as in West Malaysia division. With the increase of establishment for the Operational Arm including the Radio and Television licences of the Postal Services Department, it is expected that the efficiency of the services rendered by this Department will be further improved.

Under O.C.A.R. the sum required is \$6,981,510 both for Headquarters and West Malaysia division of the Department which indicates a decrease of \$73,716 from the 1967 provision. Several sub-heads appearing in the previous years' Estimates of the Department have been transferred to the Headquarters Estimates. The decrease will not affect the working conditions of the Department. One factor for the decrease in provision is due to the considerable decrease of first-class and second-class airmail and service mail articles registered. The volume of articles posted for inland delivery in 1967 have exceeded the 1966 provision by about 7.2%. First-class airmail articles posted for overseas delivery have increased by about 4.5% while second-class airmail articles have registered a decrease of

39.8%. In regard to first and second class service mails a decrease of about 16.6% and 20.2% respectively have been registered. The decrease of the provision asked for is also due to the lower cost of production of Commemorative Stamps and Definitive Stamps required for the year. For 1968 the provision for the issue of 3 Commemorative Stamps is provided to mark important National and International events for the year.

Under O.C.S.E. a total sum of \$49,679 is required for the year 1968 as against \$39,035 approved in 1967. This increase is for the purchase of office furniture and equipment for the Operational Arm of the Department which is expanding considerably.

Coming to Head B. 71, a sum of \$9,796,699 is requested for 4 separate Departments, i.e.,

- (a) Postal Services Department, Sabah;
- (b) Postal Services Department, Sarawak;
- (c) Telecommunications Department, Sabah; and
- (d) Telecommunications Department, Sarawak.

As I have mentioned earlier, the Posts and Telecommunications Department, Borneo Region, has been re-organised with effect from 1st January, 1968. As a result of the re-organisation the 4 Departments mentioned above have been established as separate entities. Under Personal Emoluments for Postal Services Department, Sabah and Postal Services Department, Sarawak, a sum of \$870,545 and \$981,280 respectively is required for the year 1968. The total provision required under Personal Emoluments for Telecommunications Department, Sabah, is \$2,064,478 while that of the Telecommunications Department, Sarawak, is \$2,515,206 for the year 1968. There is a substantial increase in the provisions required under Personal Emoluments for the 4 Departments as against the total provision under Personal Emoluments for the year 1967. This increase is necessary because of the re-organisation which, it is hoped, will produce improved service.

Under O.C.A.R. the total provision required for Postal Services Departments, Sabah and Sarawak is \$1,057,530 while the Telecommunications Departments, Sabah and Sarawak requires a total provision of \$1,737,590. These sums are being appropriately apportioned according to the requirements of the four separate Departments. The provision for the Postal Services Department is controlled by the Postmaster-General and for the Telecommunications Departments, Sabah and Sarawak by the Director-General of Telecommunications.

Under O.C.S.E., the provision required for Postal Services Departments, Sabah and Sarawak is \$109,000 and for the Telecommunications Departments, Sabah and Sarawak is \$461,070. These sums are also appropriately apportioned according to the requirements of the Departments.

The object of the re-organisation of the Posts and Telecommunications Department, Borneo Region, is to bring it into line with the set-up in West Malaysia by providing uniform administrative procedures for posts and telecommunications and to accelerate the standard of performance of the two services in Sabah and Sarawak. As a result of the re-organisation, separate Departments for Postal and Telecommunications have been established in these two States respectively and headed by separate Directors of Telecommunications and Controllers of Posts for each State.

I now come to the last Head, that is Head B. 72, whereby a total sum of \$39,181,077 is requested to meet the Personal Emoluments, O.C.A.R. and O.C.S.E. of the Telecommunications Department, West Malaysia. This is an increase of \$2,218,559 over the 1967 provision, which is indicative of the continued rapid expansion of the Department. I am happy to say that, among other things, the Department has been able to achieve the following in 1967:

- (a) Commissioning of the International Telephone Exchange at Kuala Lumpur on 30th March, 1967;

- (b) Commissioning of the External Telegraph Office at Kuala Lumpur on 29th October, 1967;
- (c) Taking over of Cable and Wireless, Jesselton on 1st January, 1967;
- (d) Completion of High Frequency Radio Transmitting Station at Klang where a total of 6 high power transmitters are installed and are working to Kuching, Jakarta, Medan, Bangkok and Sydney;
- (e) SEACOM Project involving partnership of six Commonwealth countries and costing a total of \$200 million was completed and successfully commissioned in March 1967. This provides Malaysia with high grade telephone, telegraph and telex circuits to 4 Continents of the world;
- (f) Completion of four new crossbar telephone exchanges at Petaling Jaya, Batu, Salak South and Setapak in Kuala Lumpur.

A total of 8,172 telephones were installed, of which 5,104 were in Kuala Lumpur area alone.

With the development of trunk and junctions network during 1967, 109 new circuits have been provided in the country. In addition, the following additional overseas circuits were also provided:

- (i) Telephone Service—
 - Kuala Lumpur-Kota Kinabalu.
 - Kuala Lumpur-London.
 - Kuala Lumpur-Sydney.
 - Kuala Lumpur-Kuching.
- (ii) Telegraph Service—
 - Kuala Lumpur-Bangkok.
 - Kuala Lumpur-Sydney.
 - Kuala Lumpur-Kuching.
- (iii) Telex Service—
 - Kuala Lumpur-Sydney.
 - Kuala Lumpur-London.
 - Kuala Lumpur-Kuching.

Under Personal Emoluments a sum of \$21,286,721 is required for the year 1968. This shows an increase of \$697,893. The increase is due to the

creation of 231 new posts which represents an increase of 5.01% of the total staff of the Department in 1967. The increase in the number of posts proposed in 1968 as compared to the increased expansion of services mentioned above is negligible. However, it is necessary to curtail expenditure in conformity with the policy of the Government to economise.

Under O.C.A.R. the provision asked for is \$17,378,396 which represents an increase of \$3,214,616 over the 1967 provision. The increase includes a sum of \$1,989,000 being the provision for four sub-heads which previously appeared against sub-heads under O.C.S.E. The major increase for the year 1968 is in respect of the sub-head entitled "Maintenance" due to the increase in expansion of the various services.

For Other Charges Special Expenditure, a sum of \$515,960 is sought as against the sum of \$2,203,510 approved for the year 1967. The decrease under this sub-heads is mainly due to the deletion of four sub-heads now appearing under the sub-heads of O.C.A.R. as mentioned above. The sum asked for is the minimum required to maintain the services of the Department.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu): Tuan Pengerusi, saya berchakap dalam muka 587, Pechahan-kepala 13—Penyenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan (Maintenance of Public Roads and Bridges). Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan yang dikemukakan oleh Kementerian yang berkenaan dalam peruntukan anggaran bagi rancangan yang memberi faedah keseluruhan ra'ayat. Tuan Pengerusi, di-kawasan saya, Bandar Baharu, Kedah ada sa-buah ferry untuk membawa penduduk² antara Bandar Baharu dan Parit Buntar; ferry yang dimaksudkan itu sa-harus-nya tidak lagi di-gunakan, tambah² lagi mengikut keadaan sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dalam tahun 1967 ada dua kemalangan telah berlaku dimana sa-buah motokar dan sa-buah lori telah terjatoh ka-dalam sungai. Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat

Tun Haji Abdul Razak kena menaiki ferry tersebut menyeberang dari Bandar Baharu ka-Parit Buntar pada 21 hari-bulan November, tahun 1967 tatkala beliau melawat kawasan dan merasmikan pembukaan sa-batang jalan raya di-Parit Panjang, Baling, Kedah, diperchayai Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak telah menaiki keadaan ferry tersebut.

Tuan Pengerusi, sa-bagai wakil Kulim Bandar Baharu, saya shorkan supaya pehak Kementerian yang berkenaan membatalkan perjalanan dengan menaiki ferry tersebut, dan mengadakan pembenaan sa-buah jambatan baharu, maka dengan pembenaan jambatan baharu di-situ kemajuan bagi dua² buah kawasan Bandar Baharu dan Parit Buntar di-perchayai akan bertambah maju dalam segala lapangan. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekian terima kaseh.

Tuan Sim Boon Liang (Sarawak):
Mr Chairman, Sir, I would like to touch on the estimated provisions for Heads B. 70 and B. 71.

Sir, I would first touch on Heads B. 70 and B. 71 on pages 589 and 597, Postal Services in West Malaysia and Sarawak. Sir, during the Dewan Ra'ayat meeting I have to send my Parliamentary papers home in several big parcels by ordinary mail and I post them in Kuala Lumpur. They usually take five to six weeks to reach my District in the Third Division of Sarawak. Sir, a parcel sent by ordinary mail from Singapore to Sarawak, especially to my District, would only take about a week. I do not see why a parcel, which is posted from Kuala Lumpur to Sarawak would take such a long period to reach its destination. Therefore, Sir, I hope that the Honourable Minister will look into this matter and ensure that a much more efficient service is given. In addition, Sir, I would like to ask the Honourable Minister again whether he is aware that the amount of postal business transacted at Dalat District, where there is no separate post office, is increasing heavily. There is a demand by the public that it is very necessary to have

a postal clerical staff to station there to do the postal work. At present, there is an administrative clerk in the District Office, who has a great burden of his own administrative work. How can he find time to divide his body to take charge of the extra postal work? That is why, letters are posted from Dalat to Sibu, Kuching or to West Malaysia, or other parts of Malaysia, by airmail, the arrival of such letters are always delayed, as they take a longer period to reach their destination.

Next, Sir, I would like to touch on Head B. 71, on pages 599 and 660—Telecommunications, Sarawak. I am urged to draw the attention of the Honourable Minister to the telecommunications system in many parts of Sarawak which is still in a bad state of efficiency. There have been many complaints from the public on the delay rendered by the Central Exchange in Kuching for getting trunk calls through to telephone subscribers in some districts of Sarawak. Sometimes they take almost one to two hours or more to get a trunk call through. Sir, whenever a complaint is made to the Supervisor, Telephone Complaints Section, he seems to condone the operators. Instead of finding out their fault, he simply says that the line is probably busy. Sir, how far this is true, we have still to find out.

Now, Sir, I would like to draw the attention of the Honourable Minister concerned to the fact that once when I was in Kuching, I booked a trunk call to Dalat in the Third Division at 1.40 p.m., on the 18th December, 1967, using the number of one particular telephone in an office. I waited for about an hour, and I still could not get the call. Then I rang up to the Exchange operator again asking, "What was about my booking?" The answer which I received was, "Engaged". After another 1½ hours, I rang up the operator once more, but she just ignored it. At that time I could not stand myself because the telephone service at Dalat closes at 4.30 p.m. every day, as it is not a 24-hour service—only 6½ hours service a day. So, I telephoned the Telephone Complaints Section. Then

instead of warning the operator, he gave me the same reply as the operator did. Sir, I do not think it was logical for me to assume that the trunk line had been so busy over all the period. I am not the only one who makes this complaint. I have been informed by many subscribers in Kuching whom I know, but on my part, Sir, I feel that this is something which I should bring to the attention of the Honourable Minister concerned who should look into this matter.

Sir, apart from this, I would like to draw the attention of the Honourable Minister that he must be aware that Dalat District has a population of more than 16,000 people. The telephone service for that district is only 6½ hours daily from Monday to Friday, and the telephone service for Saturday and Sunday is only 3½ hours each day. Sir, the time for telephone service at my district is too short. Could the Honourable Minister consider taking steps to improve the telephone service there, in order to have a longer period for daily service, say, from 8.30 a.m. to 12.00 midnight. If possible, Sir, a 24-hour service is required. In other words, an additional telephone operator is necessary for my district.

Lastly, Sir, I appeal to the Honourable Minister concerned to look into this matter and give it priority consideration. Thank you, Sir.

Tuan Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Kerja Raya. Bagaimana kita semua ketahui bahawa Jabatan Kerja Raya ini ada-lah satu Jabatan yang perlu dan mustahak sekali terutama dalam masa zaman negara kita di-dalam pembangunan ini. Kita semua ketahui bahawa Jabatan ini juga satu daripada Jabatan yang telah dapat menunjukkan bukti² yang terang kepada kita, ia-itu semenjak kita mencapai kemerdekaan banyak sa-kali pembangunan² dan projek² yang besar telah dapat di-laksanakan oleh-nya dan itu semua kita patut-lah menguchapkan berbanyak² terima kaseh sa-bagai sa-buah Jabatan yang

penting dalam segi pembenaan pembangunan negara kita. Saya suka-lah memberikan sedikit sa-banyak pandangan atas beberapa perkara pentadbiran dan dasar² yang di-jalankan oleh Jabatan ini yang kita nampak sudah tidak sesuai lagi di-ikuti dan di-amalkan di-zaman pembangunan serba chepat itu. Jikalau di-pandang dari segi pentadbiran, Jabatan ini, Tuan Pengerusi, saya berpendapat pihak Kerajaan patut-lah menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkaji sa-mula chara² pentadbiran Jabatan Kerja Raya ini kerana saya nampak sungguh pun kita sudah mencapai kemerdekaan sa-bagitu lama, tetapi chara pentadbiran Jabatan ini maseh lagi menggunakan sistem² dan peratoran² chara lama bagaimana yang di-amalkan oleh Penjajah.

Sa-patut-nya-lah di-zaman serba moden ini, Jabatan ini juga patut berjalan dengan aktif dan chepat, tetapi sa-hingga masa ini segala²-nya bukan berjalan dengan chepat tetapi sa-makin lama sa-makin lambat dan mundor. Pernah kita dapati bagaimana yang di-sebutkan oleh Menteri Kesihatan di-dalam Dewan ini sa-buah pelan untuk membena sa-buah hospital memakan masa sampai tujuh tahun belum siap lagi dan juga pernah kita dapati projek², kechil pembangunan luar bandar tidak dapat di-laksanakan dengan sa-chepat mungkin jika di-serahkan kepada Jabatan Kerja Raya. Berjuta² ringgit wang telah tidak dapat di-belanjakan dan terpaksa wang itu di-bawa ka-tahun hadapan ia-itu revote. Pernah juga kita ketahui projek² jika di-serahkan J.K.R. perbelanjaannya sangat melebihi harga yang jika di-bandingkan dengan di-buat oleh pemborong². Pada hal perbuatan-nya sama sahaja tidak ada perbedzaan. Malahan pula jika kerja² itu di-buat oleh J.K.R. maka akan memakan masa yang lama pula, pada hal jika kerja² itu di-buat oleh pemborong², kerja² itu akan siap dengan sa-berapa segera. Ini semua, Tuan Pengerusi, pada tinjauan saya ada-lah dengan sebab chara pentadbiran yang sudah lapok yang tidak mengikut kemajuan.

Satu chontoh yang saya boleh beri di-dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi,

ia-itu di-Johor mithal-nya, Kepala Pejabat Kerja Raya Negeri ia-lah di-Johor Bahru, kemudian Jabatan² di-daerah di-bahagi²kan kepada beberapa kawasan. Mithal-nya, J.K.R. di-Pontian dudok di-bawah kelolaan Daerah Batu Pahat dan jika suatu² perkara dari Pontian untuk kelulusan Ibu Pejabat-nya di-Johor Bahru mesti-lah di-salor-kan terlebih dahulu ka-Batu Pahat baharu di-hantar di-Johor Bahru ka-Ibu. Pejabat-nya. Apa salah-nya peratoran ini di-ubah, ia-itu dari Pontian boleh terus ka-Johor Bahru sahaja jauh-nya hanya 37 batu. Tetapi jika ka-Batu Pahat terlebih dahulu kemudian ka-Johor Bahru sa-jauh 124 batu. Ini tidak termasuk fail² itu beku, atau pun terdiam di-atas meja pegawai² dan kaki-tangan². Saya juga sudah menhadangkan supaya Jabatan ini jua hendak-lah di-adakan Pegawai² Pentadbir lebih banyak lagi bagi di-letakkan di-Jabatan J.K.R. itu kerana kata saya dahulu engineer² tidak-lah dapat bekerja sa-penoh masa di-Pejabat, kerana mereka sangat sebak dengan kerja² di-luar pejabat. Jadi, saya berharap pihak Kementerian ini dapat mengatasi perkara ini dengan sa-berapa segera.

Tuan Pengerusi, saya suka berchakap juga berkenaan dengan Jabatan Pos. Saya suka bertanya kepada Kementerian ini ia-itu Kereta Pos Bergerak yang di-sediakan oleh Kerajaan untuk ra'ayat, ada-kah kereta ini dasar-nya boleh di-gunakan untuk di-bandar² di-atas jalan² yang lichin dan baik sahaja atau pun kereta² pos ini dapat juga di-beri kepada kegunaan ra'ayat di-luar bandar yang dudok jauh di-kampung². Satu perkara telah berlaku di-atas urusan di-kawasan saya sendiri, Tuan Pengerusi, ia-itu satu masa saya telah pergi melawat ka-sa-buah kampung bernama Kampung Hujung Tambak Gersik. Penduduk di-sana telah merayu kepada saya supaya Kerajaan dapat menghantarkan kereta pos ka-tempat-nya kerana orang² di-sana nampak-nya hendak menyimpan wang dan lain² urusan pos di-tempat-nya sendiri. Sekarang ini kereta pos yang ada di-sana telah membuat pekerjaan-nya berhenti di-Gersik, ia-itu tempat-nya hanya sa-jauh lebih

kurang dua batu sahaja daripada tempat yang di-kehendaki ini. Jalan ka-tempat kampung tersebut ia-lah jalan batu merah yang di-buat oleh orang² kampung dan juga dengan bantuan kerjasama sa-buah estet di-situ. Jalan-nya ada-lah sangat baik. Tetapi malang-nya, Tuan Pengerusi, saya telah menerima jawapan daripada Pengawal Pos Johor bagaimana saya bachakan di-sini ia-itu di-dalam paragerap yang pertama di-katakan-nya:

"Kereta pos ini tidak dapat ka-sana kerana jalan tambak merah yang di-perchayai di-buat oleh orang² kampung di-sana. Yang kedua, sayugia di-nyatakan ia-itu di-masa musim hujan keadaan jalan itu boleh menimbulkan bahaya kepada Pejabat Pos Bergerak ini jika lawatan itu di-buat jua. Walau bagaimana pun lawatan Pejabat Pos bergerak ka-kampung ini akan di-timbangkan sa-kali lagi apabila jalan-nya telah siap di-bena dengan minyak tar."

Jadi apa yang menjadi kemushkilan kepada saya, Tuan Pengerusi, ia-lah apa-kah Kereta Pos Bergerak ini boleh di-gunakan atau pun dapat di-rasai nikmat-nya oleh orang² yang dudok di-atas jalan minyak tar sahaja, ia-itu jalan² yang baik? Apa-kah Kereta Pos Bergerak ini tidak dapat berjalan di-atas jalan yang lekok² dengan batu² merah padahal kebanyakan orang² yang dudok di-kampung² di-luar bandar kebanyakan-nya jalan² maseh berbatu merah lagi? Jika demikian-lah dasar-nya, Tuan Pengerusi, maka sampai bila² pun masa-nya ra'ayat di-kampung² tidak akan dapat menekmat, merasai nikmat kemajuan negara kita ini. Padahal tujuan kita, Kereta² Pos Bergerak ini ia-lah untuk memberi kemudahan kepada orang² yang dudok jauh di-luar² bandar. Saya suka menyatakan ia-itu saya sendiri telah pergi melawat ka-kampung ini beberapa kali sama ada musim hujan atau tidak hujan tidak pernah kereta saya jatuh dan sa-bagai-nya, atau pun saya tidak pernah mendapati kereta² dan lori² yang lalu-lalang di-jalan ini di-timpa kemalangan. Jadi, saya berharap kepada Kementerian ini mengambil perhatian di-atas perkara ini.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan Jabatan Tali-kom. Sa-orang pengundi di-kawasan saya telah mengadu kepada saya

mengatakan ia merasa dukachita di atas Jabatan Talikom tidak dapat menyampaikan sa-puchok taligeram kapada-nya kerana kematian bapa-nya. Dengan sebab kelambatan taligeram ini sampai, maka ia tidak dapat berjumpa mayat bapa-nya yang telah meninggal itu. Perkara ini telah saya menulis surat kepada pehak yang berkenaan di-Johor Bahru, dan saya telah dapat jawapan bagaimana yang saya bacha ini: di-antara paragerap²-nya berbunyi:

"Sa-lain yang tersebut di-atas saya suka mema'alumkan bahawa biasa-nya ada dua buah motosikal di-gunakan untuk menghantar taligeram oleh Pejabat Taligeram Johor Bahru, tetapi pada waktu itu hanya ada sa-buah kerana yang sa-buah lagi berada di-store workshop di-Kuala Lumpur untuk di-perbaiki. Oleh kerana 'alamat penerima tinggal di-luar lengkongan dua batu, penyampaian dengan perchuma, maka penerima taligeram itu telah di-kenakan bayaran postage sa-banyak 80 sen."

Jadi ada dua perkara yang patut saya mengambil perhatian dalam surat ini ia-lah, pertama berkenaan dengan memperbaiki motosikal. Untuk memperbaiki sa-buah motosikal di-Johor Bahru terpaksa di-hantar ka-Kuala Lumpur. Mengapa-kah di-Johor Bahru tidak ada workshop atau pun workshop private untuk di-perbaiki motor ini? Rasa saya dengan di-perbaiki motor ini di-Johor Bahru, maka motor ini akan siap dengan masa yang pendek. Jadi ini rasa saya satu sistem yang patut dapat perhatian daripada Pejabat ini, ia-itu jika motor² ini rosak di-Johor Bahru patut-lah di-hantarkan kapada workshop di-Johor Bahru tidak di-hantar ka-Kuala Lumpur dengan memakan belanja yang banyak.

Perkara yang kedua berkenaan dengan penghantaran taligeram dalam lengkongan dua batu. Ini jua saya menchadangkan untuk memberi kesenangan kapada ra'ayat di-luar bandar chara ini patut juga di-pinda dan di-ubah. Taligeram yang mustahak saperti kematian patut-lah di-sampaikan pada hari itu juga sa-chepat yang boleh. Had dua batu itu hendak-lah di-ubah kapada lima batu, atau lebeh, jika penghantaran mustahak ini di-buat patut di-kirakan pula elaun perjalanan kapada penghantar taligeram itu. Jadi, pada pendapat saya chara²

yang sa-rupa ini patut di-ubah dan ra'ayat² di-kampong akan dapat merasakan puas hati di-atas perkhidmatan² taligeram bagaimana yang saya katakan tadi. Jadi, ini-lah sahaja dan saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I support the provision of \$114.3 million for the Ministry of Works, Posts and Telecommunication, and I would like to touch on Head B. 72—Jabatan Talikom.

Sir, I have spoken already many a time in this House about domestic and private telephones being disconnected some days after these subscribers have paid up their bills, and only after the production of their bills to the local Telecommunications Office were these telephones reconnected. It is not always possible to have these telephones reconnected immediately, but usually it takes some time and that is after these subscribers have been without the use of their telephones for a couple of days. I realise, Sir, that it may be possible that the Telecommunications Department in Penang were not informed of the payment and it is really regrettable, Sir, that, unless it is the policy of the Department to punish these late payers, these payments that are remitted direct to the Post Office could not straight-away be made known to the Telecommunications Regional Headquarters in Penang. I can only say, Sir, after many years of experience that the organisation in the Department is far from being satisfactory, and it is totally alien to the Government policy of giving all co-operation and assistance to the subscribers who have been their chief source of revenue. Why cannot such a large and important Department like the Telecommunications Department give greater efficiency and better co-operation to the public?

I would like, Sir, to appeal to the Minister to extend the automatic exchange to Bukit Mertajam, as almost all the exchange in Penang have already been fixed with the automatic system, and it is because of the lack of this facility that it has been very difficult

to get calls from Penang or Butterworth to Bukit Mertajam. Sir, I feel that the sooner all the exchanges are installed with automatic system the earlier would a better service be assured for all subscribers. There have been far too many complaints of delays to get the Operators to attend to the subscribers. I think it is not because of their negligence; I think it is due to the fact that the Ministry has been reluctant to take in more staff, and these exchanges, I feel, have been under-staffed because of the Ministry's programme to make all exchanges automatic exchanges. Thank you.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya minta kebenaran chakap pendek sahaja di-atas Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom, B. 68, muka 569. Saya tidak ada hendak membuat banyak kritik atau pun shor atas Kementerian ini; chuma saya hendak menguchapkan berbanyak² tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana kejayaan yang besar dalam satu lapangan pekerjaan yang sangat susah payah yang selalu di-hadapi oleh beliau. Dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, saya dengan rakan² saya wakil Dewan Undangan Negeri dapat sokongan yang penoh daripada Jurutera² Ayer dan Jalan Raya daripada Kementerian ini; kadang² mereka itu terpaksa menjalankan tugas mereka itu luar daripada masa kerja, kadang² sampai malam hari kerana hendak menyiapkan projek² untuk kesenangan ra'ayat jelata pada masa atau peringkat yang tertentu.

Satu perkara saya minta kepada Yang Berhormat Menteri dan juga menguchapkan tahniah bagi pehak orang² kampung di-Tebing Sungai Perak. Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, kalau tidak ada sa-batang jalan raya yang telah di-siapkan oleh Kementerian ini daripada Kampung Gajah ka-Tanjong Tualang dan daripada Kampung Gajah ka-Parit, masa banjir yang telah menimpa penduduk² di-sini dua kali dalam tahun yang sudah itu, barangkali beberapa maut akan tertimpa kepada mereka itu. Tetapi oleh ada-nya jalan² ini telah di-siapkan oleh Yang

Berhormat Menteri sa-orang nyawa pun tidak kehilangan. Ini sa-kali lagi saya bagi pehak penduduk² di-situ menguchapkan ribuan terima kaseh dan tahniah kepada pehak Kementerian ini, dan chuma mengharapkan supaya menyambong satu lagi daripada Kampung Gajah ka-Sungai Manek, chuma ada empat batu sahaja lagi, dan ini kalau siap maka perjalanan terus daripada Telok Anson ka-Ipoh akan berjalan baik dan lancar.

Tuan Pengerusi, saya berchakap atas muka 584, Pechahan-kepala 36—Pengendalian Rumah Tol peruntukan sa-banyak \$16,880. Saya rasa tol dalam negeri kita ini satu perkara yang akan tinggal kepada kita berlama²an. Saya sukachita hendak ingatkan perkara ini: saya sendiri bawa dalam Dewan yang lama dan telah pun di-terima dengan baik-nya oleh Yang Berhormat Menteri, ia-itu saya harap beberapa projek dengan mengadakan Tol Jalan Raya, atau pun jambatan saperti Jambatan Noordin yang telah pun di-hanyutkan oleh banjir dahulu di-Parit itu diperbaiki dan dengan memakai jalan tol juga, kerana jalan itu ada dua jalan, Tuan Pengerusi—jalan menuju ka-Ipoh, ia-itu satu melalui Beruas dan satu lagi melalui Bota. Jadi kalau mengikut jalan Bota maka jalan itu pendek sadikit, saya rasa ra'ayat jelata tidak akan menghadapi kesusahan kalau kita meletakkan tol itu dan merengankan kepada Kerajaan kita memikul bebanan berat, memandangkan kekurangan kewangan Kerajaan kita.

Satu perkara yang saya hendak bawa kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri berkenaan Rumah Tol kita di-Slim River. Saya rasa patut sangat Yang Berhormat Menteri memikirkan satu undang² kerana ada kala² orang di-sini menjual tiket itu dua, tiga kali berlipat². Jadi, saya hendak terangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya memikirkan, ia-itu ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-orang yang lalu-lintas di-situ sama ada motokar, motosikal, lori dan sa-bagai-nya, melalui jalan itu dengan tidak mempunyai tiket. Kadang² tiket itu tidak di-beri kepada lalu-lintas di-situ. Jadi

ini berma'ana orang yang menjaga di-rumah itu dapat gunakan atau pun jualkan sa-kali lagi tiket itu kepada orang yang akan datang kelak. Ini adalah satu rasuah yang memang berjalan di-tempat ini. Saya rasa kalau kita adakan undang² di-situ meminta menghukum semua lalu-lintas mesti-lah memegang tiket itu katakan-lah jauh-nya, boleh kata 10 batu daripada situ, kalau di-pereksa dalam lengkungan 10 batu, ia tidak mempunyai tiket, maka orang² yang memandu motokar, motosikal dan lori itu dapat di-hukum oleh Mahkamah. Maka dengan jalan ini, chara yang tidak begitu baik dan ter-ator dapat di-atasi.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, B. 70, muka 589. Saya berpendapat kerani pos di-kawasan saya, ia-itu di-Batu Kurau dan juga tidak ketinggalan kerani pos. Di-kampung saya, tempat saya tinggal di-Tanjong Tualang adalah sa-orang kerani pos dengan serba guna, dia tidak sahaja menjual stamp bahkan mengeluarkan lesen anjing, mengeluarkan lesen TV dan Radio, memberi bayaran waran² kepada pekebun² kechil dan banyak lagi perkara. Saya harap dengan jasa baik Yang Berhormat Menteri memikirkan satu dasar baharu menggunakan Pejabat Pos itu, membolehkan sa-orang pegawai khas menerima hasil negara. Dan kalau shor saya ini diterima, Tuan Pengerusi, menyenangkan kepada pegawai pos itu dan akan mengakibatkan kepada Kerajaan kita mendapat hasil yang lebih banyak dan lebih² lagi ra'ayat kita senang dan belanja yang tidak patut mereka keluarkan itu terselamat. Umpama-nya, macham tempat saya di-Tanjong Tualang orang² yang menggunakan ayer terpaksa membayar hasil ayer itu di-Batu Gajah, pergi-balek 20 batu. Di-Batu Kurau pun begitu juga kalau hendak bayar Lesen TV, Radio dan sa-bagai-nya kena naik motokar dan sa-bagai-nya sampai 30 batu pergi dan balek. Mengapa tidak mengadakan sa-orang pegawai khas mengutip hasil² bagi menyenangkan ra'ayat jelata dan boleh-lah pegawai khas ini, akan kerani khas ini, mengutip saperti hasil tanah, dan tidak payah-lah daripada Batu Kurau terpaksa orang²

kampung pergi bayar hasil di-Taiping. Lagi pun hasil ayer, lebih² lagi yang besar sangat, Tuan Pengerusi, ia-itu hasil yang mesti di-bayar oleh orang² yang mempunyai motosikal, basikal, lori dan sa-bagai-nya itu—hasil Road Transport terpaksa orang² dari negeri Perak pergi membayar di-Ipoh. Mengapa tidak bayar pada tempat itu, ada-kah fail²-nya di-situ, atau pun temporary receipt? Ini menyenangkan sangat kepada ra'ayat jelata. Saya kadang² berasa bingung, Tuan Pengerusi, memikirkan satu chara saperti yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam yang menyatakan tadi tidak ada chara baharu memikirkan supaya menyenangkan ra'ayat jelata dan mendatangkan hasil yang lebih banyak kepada Kerajaan—tidak ada satu jalan yang di-bawa oleh Menteri² bagi menyenangkan satu² perkara yang belum lagi dapat berjalan dengan begitu baik dan terator. Saya harap sangat-lah shor saya ini kepada Yang Berhormat Menteri itu fikirkan dan ini memudahkan ra'ayat jelata dan memberikan beliau itu khas-nya Kementerian beliau mendapat hasil yang lebih banyak lagi—ini memberi faedah kepada Kerajaan kita. Sekian, terima kaseh.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom dan saya juga suka memberi tahniah kepada Yang Berhormat serta pegawai²-nya terutama sa-kali di-kawasan saya di-Melaka Selatan bagi pehak pekerja² Jabatan ini telah bekerja bersungguh² kerana kepentingan ra'ayat.

Tuan Pengerusi, saya berchakap pada muka 593, Pechahan-kepala 10—Pentadbiran Pejabat, peruntukan wang sa-banyak \$400,330. Saya berharap penghantar surat, ia-itu posmen yang ada di-Merlimau di-tambah lagi. Di-sana chuma ada 2 orang posmen sahaja yang tidak menchukupi dan selalu surat² lambat dapat di-hantar kerana kawasan ini besar. Ini-lah saya merayu supaya dapat sa-kurang²-nya sa-orang posmen lagi di-tambah di-Post Office, Merlimau.

Pada muka 593, Pechahan-kepala 13—Penyenggaraan dan Mengganti. Saya sa-kali lagi-lah merayu kepada Yang Berhormat Menteri sa-telah 10 tahun lebeh kurang Wakil Pos di-adakan di-Sungai Rambai; dengan ini saya minta supaya sa-buah Post Office di-adakan di-Sungai Rambai. Kira-nya Post Office dapat di-adakan di-sana tentu-lah memudahkan kepada 15,000 orang penduduk dari kawasan ini, ia-itu Sebatu, Sungai Rambai dan Kesang Muar bagi mendekatkan mereka² yang berkehendakkan menggunakan pos ini. Jauh-nya orang² yang akan menggunakan ini, kalau di-Merlimau lima batu daripada Sungai Rambai, enam batu dan kalau ka-Muar lapan batu. Jadi, ini-lah rayuan saya supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengadakan sa-buah Pos Office. Saya chadangkan sa-buah rumah Kerajaan telah ada di-sana dengan tidak payah lagi membena sa-buah rumah. Kalau tidak silap saya di-situ sekarang di-dudoki oleh Bidan. Jadi kalau rumah itu dapat di-gunakan dalam tahun, 1968 ini juga sa-buah Post Office akan di-bangunkan di-Sungai Rambai.

Tuan Lim Pee Hung (Alor Star) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I wish to speak on Head B. 72—Jabatan Talikom, Item (85). Mr Chairman, Sir, the telephone service in Alor Star is in a hopeless condition, whereby the subscribers have to wait from 5 to 10 minutes to get an answer from the operators, and, if you should raise a query about the delay, you are either snubbed or you will be told that the line is engaged. I have personally raised a complaint to the operator concerned about the delay by saying, "Apa fasal, sudah tidor-kah?" The reply was "Ya, apa lu mahu buat sama kita." I mean, that sort of attitude in the telephone operating service is going to upset a lot of business people who take the telephone service as an essential part of their business. The situation has gone from bad to worse in the sense that if the subscriber raises a complaint then that telephone number will be victimised. Mr Chairman, Sir, this state of affairs is far from satisfactory and I would like to appeal to the Honourable Minister to look into the matter

seriously and at the same time consider urgently to instal an automatic exchange without further delay in Alor Star. Thank you, Sir.

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini ditampohkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1968

(Jawatan-kuasa Perbekalan)

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa Perbekalan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Kepala² B. 68 hingga B. 72—

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat): Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh perkara B. 71 muka surat 598, Butiran (83) Elaun Memangku. Saya rasa elaun memangku ini sa-takat ini sudah sampai-lah masa-nya memangku² jawatan ini sudah sa-baik²-nya di-berikan terus kepada orang² yang memangku di-waktu ini jawatan yang tetap supaya dapat mereka ini berkhidmat terus-menerus dengan sa-penoh khidmat dan sa-puas hati mereka, kerana jawatan² memangku ini kalau-lah di-amalkan sa-lama²-nya maka di-sini datang-lah keraguan dan kesangsian bagi mereka memangku jawatan ini ada-lah dengan memangku sa-mata² sahaja.

Sa-lain daripada itu berkenaan dengan Elaun Kanak² saya hendak mendapat penjelasan bagaimana-kah kedudukan Elaun Kanak² ini di-dalam Jabatan yang berkenaan, kerana Elaun Kanak² di-dalam Jabatan² lain nampak-nya tidak ada, maka di-sini saya minta penjelasan dalam perkara tersebut.

Saya beraleh Dato' Pengerusi, berkenaan dengan Jabatan Talikom, muka surat 613, Pechahan-kepala 37—Perkakas dan Alat Ujian berkehendakkan

wang sa-banyak \$370,000. Dalam perkara² ini saya suka-lah membawa perhatian Jabatan Talikom yang mana selalu kita dapati sambongan² dawai atau pun wire talipon ini selalu putus dan selalu hilang. Di-kawasan saya, Dato Pengerusi, ada satu ketika itu sa-jauh dua batu keseluruhan dawai ini habis kena churi. Jadi, apa yang saya ragu²kan boleh berlaku bagaimana yang telah terjadi di-dalam Jabatan Kerja Raya yang mana kepala paip telah pun di-sambar orang, habis keseluruhan-nya, maka ini satu perkara akan boleh berlaku. Oleh yang demikian mengapa-kah tidak di-chadangkan dan tidak di-usahakan di-waktu ini supaya kita menggunakan cable yang melalui tempat² yang sunyi, sa-bagai melalui hutan² yang panjang, melalui kampung² yang sunyi dan sabagai-nya. Oleh kerana kalau-lah kita dapati bagaimana-kah banyak hilang-nya dawai² talipon ini saya rasa tentulah banyak kemerosotan kewangan Jabatan yang berkenaan dalam kerugian.

Dalam muka surat 587 Kerja Raya B. 69, Pechahan-kepala 13—Penyenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan peruntukan sa-banyak \$14,900,000. Di-dalam perkara tersebut, Dato Pengerusi, saya berharap di-dalam kaedah keadaan penyelenggaraan dan penjagaan jalan² raya ini supaya dapat benar² kita memberikan perkhidmatan jalan ini kepada ra'ayat yang duduk di-luar bandar. Saya tidak-lah berharap keseluruhan-nya dapat di-tar, tetapi daripada sa-perengkat ka-sa-perengkat, daripada sa-tempat ka-sa-tempat hendak-lah di-timbangkan dan di-berikan yang saksama, sa-umpama-nya kalau-lah dalam negeri Selangor dapat sa-banyak \$500,000 jangan-lah di-halakan dan di-tempatkan hanya kepada satu kawasan sahaja, hendak-lah diberi keseluruhan ketujuh² Daerah yang ada dalam negeri Selangor ini dan di-Daerah itu juga-lah patut menimbang-kan supaya keseluruhan daerah itu sa-banyak sedikit dapat mengechap dan merasa nikmat jalan raya yang masuk ka-dalam kampung mereka itu berminyak tar.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor):

Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan berchakap mengenai dengan Kementerian Kerja Raya, ia-itu B. 68. Bagaimana yang saya tahu, bahawa Jabatan Kerja Raya ada-lah satu² Kementerian yang penting sa-kali dari segi pembangunan hari ini. Apa yang menjadi kesusahan dan kesulitan pada ra'ayat pada masa ini satu daripada-nya manakala jalan² raya yang di-gunakan oleh mereka tidak begitu memuaskan. Satu daripada-nya, Tuan Pengerusi, patut juga pehak Kementerian mengambil perhatian berat ia-lah mengenai jalan raya di-negeri Johor daripada Simpang Rengam membawa kepada batu lapan Scudai yang mana bila hari hujan lebat selama empat hari, jalan raya ini tidak boleh di-gunakan kerana di-naiki ayer hingga kepada tiga dan empat kaki. Dan semua kenaikan² tergendala dan tidak boleh lalu melintas di-situ dengan sebab banyak ayer di-jalan² raya habis rosak dan terkopak berkeping² jalan² itu di-sebabkan ayer bah yang bertakong di-jalan raya itu. Jadi, di-sini bukan sahaja pada pendapat saya Kerajaan telah mengalami kerugian, tetapi ra'ayat juga telah menghadapi kesusahan dan kerugian dengan sebab telah tergendala lalu-lintas daripada Johor ka-Malaysia Barat dan daripada Malaysia Barat ka-Singapura. Jadi, dengan ini saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memikirkan perkara jalan raya ini supaya dapat di-atasi sama ada patut di-tinggikan jalan² raya ini atau pun patut parit² di-sabelah menyebelah itu di-perbetulkan supaya ayer² hujan itu tidak bertakong di-tengah² jalan yang mengendalakan perjalanan² orang ramai yang lalu-lalang sa-tiap masa dan ketika.

Mengenai B. 71 ia-lah mengenai Talikom. Saya juga berharap pada Menteri yang berkenaan supaya dapat memasokkan talipon di-dalam kawasan Johor Bahru Timor yang mana permohonan² telah pun di-kemukakan empat tahun dahulu, tetapi sa-hingga hari ini maseh lagi belum dapat di-laksanakan. Umpama-nya, dalam Ranchangan Chahaya Baharu Kong Kong yang ada

mempunyai penduduk sa-ramai lebih kurang 5,000 orang patut di-dalam kawasan ini di-adakan sa-buah pondok talipon di-Kampung Ulu Pelintong, di-Kampung Tiram dan di-Kampung Nan Heng kerana keseluruhan-nya sangat² mustahak dan memerlukan talipon di-tempat mereka manakala menghadapi sa-suatu kesulitan dan kesusahan di-kampung² yang tersebut ini. Dan lagi satu yang saya hendak kemukakan ia-lah mengenai pondok talipon yang di-gunakan orang² ramai kerana selalu sangat saya mendengar rungutan orang ramai manakala mereka mahu menggunakan talipon yang mana terpaksa menunggu berjam² lama-nya dan kadang² mereka telah masokkan wang sampai 30 sen duit mereka ghaib, tetapi mereka tidak dapat berchakap dan menggunakan talipon itu. Dan lagi satu mengenai trunk call pada waktu malam berkehendakkan supaya di-sambong terlalu susah dan lambat dapat di-jawab atau di-sambong mengapa-kah sebab-nya menjadi demikian padahal pada faham saya waktu malam ia-lah lebih mudah kepada orang ramai hendak menggunakan talipon di-tempat² yang jauh kerana tidak ramai orang yang menggunakan talipon pada waktu itu. Kita mesti memikirkan bahawa kadang² orang yang menggunakan talipon itu ada-lah di-sebabkan sa-suatu perkara yang mustahak dan orang yang menghadapi kesusahan dan kechemasan yang berkehendakkan bantuan yang segera. Jadi dengan ini saya juga berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil perhatian berat kepada kaki-tangan² yang bekerja untuk menjaga talipon itu supaya menjalankan tugas dan kewajipan-nya pada waktu malam itu, kerana saya telah di-beritahu oleh sa-orang yang mendapat kesusahan kerana anak-nya sakit kuat mereka ini mahu bertalipon kepada bapa budak itu yang bekerja daerah lain, tetapi hingga berjam² lama-nya tidak dapat layanan. Ini ada-lah orang yang menjalankan tugas di-pejabat itu tidak mahu bertanggung-jawab sama sa-kali. Jadi, kalau keadaan yang sa-rupa ini berlaku sa-panjang masa harus orang yang sakit terus mati dan orang yang mendapat kemalangan terus tidak

mendapat pertolongan sama sa-kali pada tatkala itu.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya mengulangi rayuan saya yang sudah² di-buat berkali² di-Dewan ini ia-lah mengenai dengan jambatan yang letak-nya di-Ulu Tiram yang di-gunakan oleh seluruh ra'ayat daripada Pantai Barat saya berharap supaya jambatan ini dapat di-bena pada tahun ini dan saya juga berharap kepada Kementerian yang berkenaan memberi wang peruntukan kerana membena jambatan yang tersebut, dan saya sabagai wakil ra'ayat berserta dengan seluruh pengundi² di-kawasan Johor Baharu Timor menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada Kementerian yang berkenaan kira-nya dapat mengambil perhatian berat kepada kesulitan² yang di-alami oleh ra'ayat yang sedang menunggu bertahun² lama-nya akan permohonan yang telah di-kemukakan di-Dewan ini.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil (Jebeu-Jempol): Tuan Pengerusi, dalam mengalu²kan peruntukan Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom ini saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri pada muka 587, B. 69, Pechahan-kepala 13—Penyelenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan yang mempunyai peruntukan \$14,900,000. Tuan Pengerusi, saya sukachita menyatakan pekerjaan menurap jalan² raya, terutama sa-kali dalam kawasan saya daripada peruntukan ini sangat-lah memuaskan, tetapi yang mendukachitakan, Tuan Pengerusi, saya perchaya Kementerian yang berkenaan faham dalam perkara ini pada tempat² yang tertentu bahawa kerana jalan² ini di-gunakan oleh lori² yang membawa kayu² log yang tidak bertimbang rasa membawa kayu² dengan tidak mengikut peratoran berat-nya, maka walau pun jalan itu di-turap dengan baik, tetapi sa-telah empat bulan atau sa-lebeh²nya enam bulan, maka jalan itu sudah lekak-lekok. Saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri pada sa-batang jalan. Saya tidak tahu ada-kah Yang Berhormat Menteri pernah menempohi jalan itu, tetapi pada suatu ketika saya ada mengiringi Yang Berhormat Menteri ka-jalan itu tetapi jalan itu pada kawasan

baik, ia-itu jalan daripada sempadan negeri Pahang daripada Kemayan membawa ka-Bahau melalui jalan Ayer Hitam. Jalan ini ada-lah di-turap dari sa-tahun ka-satahun dan dari satu atau dua batu tiap² tahun, tetapi sa-bagaimana kenyataan saya tadi sa-telah di-turap kerana di-lalui oleh lori² yang tidak mengikut peratoran itu, maka jalan itu telah pechah lekak-lekok dan sa-bagai-nya. Dan pada tahun yang lalu, Tuan Pengerusi, saya telah membawa perhatian Yang Menteri dalam perkara ini mengeshorkan kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri dapat berunding dengan Menteri Tanah dan Galian, atau pun Kerajaan² Negeri supaya lori² yang membawa kayu² balak yang berlebihan berat-nya itu di-kenakan satu bayaran khas atau pun toll, dan Yang Berhormat Menteri ada berjanji akan mengambil perhatian dalam perkara itu, tetapi sampai sekarang nampak-nya jalan itu maseh rosak, maseh di-turap dan tentu-lah perbelanjaan untuk menyelenggarakan jalan itu akan menjadi sia² sahaja.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentoh pula kepada B. 70 ia-itu Perkhidmatan Pos. Saya suka membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kalau sa-kira-nya chara pentadbiran yang halus dapat di-jalankan di-tiap² Pejabat Pos di-mana perkhidmatan membayar gaji isteri² askar² kita di-jalankan pada tiap² bulan. Saya tidak faham bagaimana keadaan dan kedudukan atau kesulitan di-Pejabat² Pos yang lain, tetapi dalam kawasan saya, Tuan Pengerusi, terutama sa-kali di-Pejabat Pos Kuala Pilah, bukan-nya sa-buah Pejabat Pos yang besar, tetapi pada tiap² bulan kita dapati tidak kurang daripada 100 atau 200 ibu² atau pun isteri² Ahli² Pasokan Keselamatan kita atau askar datang untuk mengambil elaun mereka di-Pejabat Pos yang tersebut. Dan oleh sebab pejabat pos itu tidak luas, maka di-dapati penoh dengan manusia di-situ dan kalau ada bangku pun chuma sa-buah dua untuk 10 atau 15 orang, maka yang lain² itu terpaksa-lah, kerana lama menunggu giliran mereka dudok di atas simin atau pun berselerakan di-keliling Pejabat Pos itu.

Dan kerana mengikut adat barangkali bagi orang² kita Melayu terutama sa-kali isteri² yang maseh muda minta pula pergi ka-Pejabat Pos itu untuk mengambil elaun dengan di-temani oleh bapa mertua-nya-kah atau ibu dan sa-bagai-nya takut barangkali kalau sudah menerima elaun itu kena cholek pula, atau kena rampas wang-nya. Jadi, itu telah menyebabkan keadaan Pejabat Pos itu lebeh lagi sempit sa-hinggakan orang ramai yang biasanya hendak membuat urusan², membeli stamp, membeli postal order dan sa-bagai-nya sangat susah. Saya mengshorkan kalau sa-kira-nya di-pandang sa-bagai shor yang practical pada Yang Berhormat Menteri, kalau dapat kerjasama daripada Kementerian Pertahanan supaya bayaran elaun kepada isteri² askar² negara kita itu di-bayar mengikut peringkat kata-lah dalam tiga atau empat hari dan di-bagikan-lah satu² peringkat itu kata-lah dalam tiga puluh atau lima puluh orang, dan barangkali kalau ada 200 orang isteri² kepada askar² di-daerah Kuala Pilah itu maka tiga atau empat hari dapat-lah di-uruskan pembayaran elaun itu dengan tidak menyusahkan pegawai² di-dalam Pejabat Pos itu, dan juga tidak menyusahkan orang ramai yang lain yang ada urusan di-pejabat pos itu.

Sekarang saya pergi pula, Tuan Pengerusi, kepada B. 70 juga ia-itu muka 593, Pechahan-kepala 11—Elaun Wakil Pos. Tuan Pengerusi, Wakil² Pos ini sa-bagaimana saya dapati terutama sa-kali saya perhatikan di-dalam kawasan saya ada-lah dudok-nya di-sabuah kedai kadang² kalau tidak mampu hendak menyewa sa-buah kedai dia menyewa-lah sa-bahagian daripada sa-buah kedai itu dengan sewa-nya yang di-bayar, tetapi elaun yang di-beri kepada Wakil Pos ini tidak-lah menchukupi. Dan ada masa dan ketika-nya saya siasat perkara ini daripada pegawai² yang berkenaan sama ada benar atau tidak ada konon-nya ada perbedaannya elaun itu ia-lah oleh sebab bilangan surat² atau urusan yang di-jalankan oleh sa-saorang Wakil Pos itu tidak menchukupi untuk membayar elaun yang sa-wajar-nya. Jadi, saya berharap supaya Kementerian ini mengkaji dan kalau dapat bertimbang rasa kepada

mereka itu kerana ada tempat² boleh jadi semua-nya, mereka yang menjadi Wakil Pos ini tidak pula boleh dibenarkan untuk menjalankan perniagaan² yang lain sa-lain daripada tugas-nya menjadi Wakil Pos.

Pechahan-kepala 13, Tuan Pengerusi, di-bawah B. 70 juga, Penyenggaraan dan Mengganti. Saya fahamkan kereta motor ini termasuklah motosikal bagi kegunaan penghantar² surat ya'ani posman. Saya dukachita menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, dalam kawasan saya ada posman² atau penghantar² surat yang memakai motosikal, tetapi motosikal-nya itu telah lama sangat dan burok dan saya dapati daripada rayuan² daripada orang ramai dalam kawasan itu ada masa dan ketika-nya surat² tidak sampai atau surat² lambat dan manakala di-siasat, maka kenyataan di-terima daripada pehak yang menghantar surat ia-lah kerana motosikal itu rosak dan manakala di-siasat pula daripada Ibu Pejabat atau daripada Pengawal Pos di-Negeri Sembilan ia-itu di-Seremban maka kenyataan itu ada-lah benar motosikal yang saya sebutkan tadi boleh di-katakan tiap² tahun mengambil perbelanjaan yang besar untuk membaiki-nya. Jadi, saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian berkenaan dengan motosikal² yang lapok dan yang sudah lama ini kalau-lah dua tahun itu belanja membaiki-nya sampai empat lima ratus ringgit maka lebih baik-lah di-beli sa-buah motosikal baharu untuk kegunaan dan untuk melichinkan kerja² pehak yang menghantar surat² di-kawasan² luar bandar itu.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, pada keseluruhan-nya saya ada-lah memandang tinggi kepada Jurutera² terutama sa-kali di-peringkat Daerah dalam kawasan saya di-Jelebu dan juga di-Kuala Pilah kerana kerja² dan usaha tenaga mereka di-dalam pembangunan luar bandar khas-nya yang saya dapati mereka ada-lah memberi kerjasama yang erat dan tidak pernah satu² projek tanpa di-jalankan dengan tidak ada kerjasama yang saya sebutkan tadi dan sa-lain daripada kerja²-nya yang tertentu, maka Jurutera² ini juga telah

memberi kerjasama-nya di-dalam berbagai² lapangan terutama sa-kali dalam masa perjumpaan² ramai, membena pentas² atau pun menyediakan kemah² dan sa-bagai-nya maka tidak pernah kerjasama itu tidak di-berikan. Jadi, bagi pehak pengundi² di-kawasan saya Jelebu dan di-Kuala Pilah saya menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kepada pegawai² ini dan saya berharap tauladan yang di-tunjokkan oleh pegawai² ini dapat pula di-chontohi oleh pegawai² rendah di-bawah-nya. Kerana apa yang pernah di-sungutkan terhadap Kementerian Kerja Raya bukan-lah pegawai² tinggi di-dalam sa-buah jabatan itu tidak memberi kerjasama-nya atau menjalankan tugas-nya dengan baik dan lichin tetapi di-sabotage, kadang² pada masa atau pun pada satu² ketika itu oleh pegawai² di-bawah-nya. Jadi, saya berharap-lah mendapat perhatian daripada Kementerian ini supaya pegawai² di-tiap² sa-buah pejabat itu di-beri arahan supaya pegawai² di-bawah-nya mengikut contoh tauladan yang di-jalankan oleh ketua²-nya. Terima kaseh.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyerta rakan² saya menyokong anggaran perbelanjaan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ini. Kita bagi masyarakat Malaysia patut terhutang budi yang tinggi kepada Kementerian ini, sebab dengan khidmat-nya kita dapat menyegerakan perjalanan dan menyegerakan perhubungan antara sa-buah negeri dengan sa-buah negeri, dan antara negeri kita ini dengan dunia luar. Jadi, saya chuma hendak ambil bahagian dalam perbahathan ini, Tuan Pengerusi, ia-itu B. 68 bahagian Kerja Raya muka 572. Saya memberikan kepujian kepada bahagian ini sebab telah dapat melaksanakan satu rupa yang sedikit sa-banyak-nya memberi peluang kepada bumiputra dalam negeri ini.

Yang saya hendak katakan ini, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, ia-lah bagaimana yang saya telah ma'alum bahawa pekerjaan² yang di-uruskan oleh Jabatan Kerja Raya ini yang perbelanjaan-nya ka-bawah daripada \$5,000 tidak payah di-keluarkan tender di-berikan kepada pemborong²

bumiputra. Ini satu usaha yang sangat baik bagi menggalakkan bumiputra membuat kerja² dalam hal yang bersangkutan dengan Jabatan Kerja Raya.

Ada satu perkara pula penyakit-nya, Dato' Pengerusi, yang di-sungutkan oleh pemborong² kita dalam tanah ayer ini, pemborong bumiputra yang lebih daripada 2,000 orang ini, dia sungutkan ia-itu Jabatan Kerja Raya, saya tidak tahu-lah, ini arahan daripada Pusat atau Negeri pada Negeri telah memerintahkan supaya di-potong, mula² di-potong 20% kemudian di-potong lagi 15%. Jadi daripada jumlah peruntukan \$5,000 ka-bawah di-potong 35%. Jadi dengan keadaan yang sa-macam ini menyulitkan bumiputra kita tadi yang hendak mendapatkan keuntungan dalam kerja² yang di-buat-nya itu. Wal-hal kerja yang di-buat itu menurut bagaimana yang di-kehendaki oleh Jabatan Kerja Raya ini.

Kemudian, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya hendak menyentuh berhubung dengan Pejabat Talikom ia-itu B. 71 bagaimana di-chakapkan oleh rakan sajawat saya daripada Kuala Langat tadi, saya chuma hendak menambah satu perkara yang pernah terjadi, dawai² talipon kita ini putus disebabkan di-hempab oleh pokok² yang berhampiran dengan jalan raya. Jadi dengan keadaan bagini mengganggu perkhidmatan pos dan kadang² menyusahkan juga pekerja² daripada Jabatan Talikom ini pergi memperbaiki dawai² itu waktu malam hari. Dengan ini saya memberi satu pandangan kepada Kementerian ini, kalau dapat, segala pokok², ia-itu kawasan sa-rantai sabelah kiri dan sa-rantai sa-belah kanan daripada dawai² talipon yang dipasang atau di-tepi jalan raya itu hendak-lah lapang, jangan di-tanam pokok² tahun yang besar. Sebab dengan ini menjadikan satu kesulitan kepada Jabatan ini dalam usaha-nya hendak melichinkan kerja² mereka. Dalam bahagian Rumah Tol, Dato' Pengerusi, saya menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri ini yang telah dapat menyelesaikan satu masalah yang menjadi sungutan kepada penduduk² khas-nya di-Selatan Malaysia ia-itu

telah membetulkan perkara tol Jambatan Ismail, Muar, dan juga di-Batu Pahat.

Tetapi satu perkara, Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya hendak menarek perhatian Kementerian ini masaalah tol ini memang senang mendapat wang pada Kementerian ini dan boleh senang mendapatkan hasil negara kita. Oleh itu patut di-kaji balek di-mana jalan raya kita atau pun mana jambatan² kita yang besar seperti di-Pantai Timor supaya di-kaji balek di-kenakan tol kapada jalan raya di-pantai timor. Kita tahu penduduk di-pantai timor keadaan-nya miskin, atau pun susah, saya tidak hendak menentukan tol ini di-kenakan kapada motor²kar, kenakan tol ini kapada lori² dan bas. Sebab lori ini, Dato' Pengerusi, memang membawa muatan dan membawa hasil perniagaan, kalau tidak ada jalan yang di-buat oleh Kementerian ini dia kena berhenti lima enam jam pada satu tempat dan kena belanja \$5 hingga \$16. Tetapi dengan ada-nya jalan yang kita buat ini dia boleh terus daripada Kelantan terus ka-Kuala Lumpur ini dalam masa sembilan jam. Jadi, bahan² daripada Kelantan itu di-bawa ka-Kuala Lumpur ini dengan pantas. Sayang-kah mereka mengeluarkan bayaran kapada Kerajaan \$2 atau \$3. Jadi hal ini saya fikir patut Kementerian ini mengkaji bagi mendatangkan hasil kapada negara kita.

Yang kedua, bas² yang datang daripada Singapura, bas² yang datang daripada Siam yang melanchong ka-dalam negeri ini patut sedikit sa-banyak-nya kita kenakan chukai jalan raya.

Dalam Kepala B. 68, Pechahan-kepala 13—Penyenggaraan Jalan² Raya dan Jambatan. Perkara ini juga telah di-chakapkan oleh beberapa rakan sajawat saya, tetapi saya gemar membangkitkan beberapa perkara ia-itu jalan raya yang kelas C. Jalan² ini dibuat yang di-tarkan ada A, ada B, dan C, tetapi yang selalu-nya di-dapati oleh penduduk di-luar bandar ini ia-lah Kelas C. Bila jalan kelas C di-lalui lori² juga kenderaan yang berat² selalu berlobang. Jalan yang berlobang ini, Dato' Pengerusi, sampai enam tujuh bulan tidak di-tampal; pada hal ada

Penyelia Pejabat Jabatan Kerja Raya. Apa yang di-buat ini menyusahkan orang ramai yang lalu lintas di-tempat itu dan juga merosakkan kenderaan² yang lalu di-situ.

Lagi satu membuat jalan raya. Saya harap jangan-lah di-buat jalan raya itu dengan kehendak hati sahaja, sebab kadang² ada menjadi satu tentangan kepada satu² Jabatan. Umpama-nya dia hendak membuat jalan raya hendakkan lurus. Pada hal jalan raya itu melalui tanah yang di-punyai oleh 'am. Tetapi bila sudah siap jalan raya di-dapati tanah-nya tanah wakaf, tanah itu tanah perkuboran. Menurut keputusan Mufti dari Jabatan Ugama Negeri kita, tiap² tanah wakaf, sama ada tanah wakaf kubor atau tanah apa juga jenis tanah wakaf tidak boleh di-gunakan bagi jalan raya. Jadi bila kita buat jalan macam ini sudah bertentangan dengan Kerajaan Negeri, terpaksa kerja kita kena berhenti. Saya harap pada masa akan datang kalau hendak membuat jalan ini berchermat, berundinglah, jangan timbul masalah² yang saya katakan tadi.

Satu perkara lagi, Dato' Pengerusi, yang menjadi penyakit penduduk² luar bandar. Di-tepi jalan raya kita ada parit di-kiri kanan. Parit ini waktu banjir di-kampung² daripada parit jalan raya boleh menenggelamkan kampung² di-tempat itu. Tetapi bila kita minta Jabatan Kerja Raya ini supaya di-dalamkan parit ini, dia kata tidak boleh. Menurut Jurutera technical-nya saya tidak tahu-lah, tidak boleh di-dalamkan parit itu. Jadi hal yang macam ini, Dato' Pengerusi, mendatangkan satu kesulitan kepada penduduk² luar bandar bila mana waktu banjir, parit² di-kiri kanan jalan raya tidak boleh di-gali. Bukan dia hendak menggali dalam, gali supaya boleh mengeluarkan, mengalirkan ayer itu masuk ka-satu tempat yang besar memadaïlah. Tetapi Jabatan Kerja Raya yang sa-tengah²-nya, ada-kah perengkat Pusat juga, tidak di-benarkan. Kalau boleh biar-lah rumput itu naik tebal dalam kawasan itu; itu lebih baik kata-nya daripada di-bersekan.

Akhir-nya Dato' Pengerusi, berhubung dengan Pejabat Pos, B. 70. Ini

telah menjadi sungutan kepada orang ramai. Bukan semua, sa-tengah² postman kita itu membuat kelakuan selalu membuka surat². Yang selalu dia nakal surat² daripada muda-mudi. Kadang² sampai ka-tangan orang yang mempunyai surat itu dia tengok surat itu sudah terbuka. Kadang² dia hendak tahu rahsia apa yang ada dan isi dalam surat itu. Ini bukan semua postman ada macam ini, Dato' Pengerusi, saya harap di-beri satu kursus, di-beri satu amaran kalau ada postman² kita yang membuat tabiat yang sa-macam ini jalankan satu tindakan.

Jadi saya bila berchakap Pejabat Pos, ada satu perkara yang menyulitkan orang² di-bandar Muar. Di-bandar Muar ini kalau waktu pagi orang² hendak membeli setem Pejabat Pos itu membanjiri, Dato' Pengerusi, sampai ka-jalan raya, sebab bangunan itu kecil. Bangunan itu di-dirikan dalam tahun 1916, masa itu penduduk daerah Muar 20,000 orang sekarang penduduk dalam Bandar Muar yang menggunakan Pejabat Pos itu 70,000 atau 80,000 orang. Jadi saya fikir telah sampai masa-nya di-bangunkan bangunan baharu dengan segera bagi menyesuaikan bandar Maharani Muar itu bandar yang kedua besar-nya dalam negeri Johor. Jadi perkara ini bukan sahaja menyenangkan orang² yang ada hubungan dengan Pejabat Pos ini, tetapi akan mendatangkan hasil kepada Kementerian ini.

Jadi dengan itu sahaja-lah, Tuan Pengerusi, sa-kali lagi saya menyokong Kementerian ini. Terima kaseh.

Tun V. T. Sambanthan (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, some days ago, when speaking on the Ministry of Commerce and Industry, the Member for Batu had occasion to mention about pipes supplied by Messrs. Humes to the Public Works Department. He said that these were sub-standard and, by inference, that the P.W.D. was party to the using of sub-standard pipes. I think it is only fair that I should mention in the House, by way of reply what happened.

Since 1957, when annual Federal tenders were invited for the supply of asbestos cement pressure pipes to the

P.W.D. in West Malaysia, Messrs. Hume Industries had won either the whole or a major portion of these contracts. The pipes were originally produced in their factory in Singapore, but since the factory in Petaling Jaya was completed in last 1963, most of the pipes supplied by Humes to the P.W.D. were from Petaling Jaya. The P.W.D. specification lays down that pipes are to be manufactured and tested in accordance with British standard Specification 436 for asbestos cement pressure pipes. Humes factory in Petaling Jaya is inspected at intervals by officers of the P.W.D. to see that the manufacturing processes and testing procedures are satisfactory. As an additional check, Messrs Humes were required to submit all test results as from 1965. All these inspections and test results showed that pipes produced by them were up to standard. Experience with the use of Humes pipes produced during laying, site testing and operation had likewise been found to be satisfactory, although there were cases of bursting and sweating during these site tests. When these defective pipes were discovered such pipes were replaced at no cost to the Government whenever their failure could be attributed to failure in the quality of the pipes.

As regards sweating, a few cases were known where moisture appeared on the ends of the pipes immediately following the raising of the water pressure for testing. The reason could well be that the sweating was the result of the initial absorption of water by the dry asbestos cement. B.S.S. 436 allows a 20 per cent moisture absorption. In any case, the sweating ceased after some time and the pipes passed the test. But in spite of this, the P.W.D. wrote into the specification for 1965, and subsequent contracts, a clause requiring manufacturers to carry out factory testing for permeability. British Standard Specification 436 does not ask for this test and as far as the Department is aware, nor do any other national standards. Messrs Humes set up special test beds to carry out this test and the test results show that their pipes pass this test.

Towards the end of October, 1967, it was rumoured that pipes manufac-

tured by Messrs Humes were not up to standard. The allegation was immediately investigated by the P.W.D. Federal Headquarters. A senior engineer was sent, without prior notice, to Petaling Jaya to check up on the routine testing of pipes on the 24th and 25th of October, 1967, under the guise of checking on some 30 pipes brought back by Humes following a complaint of failure in Perak. The inspection was followed up by another visit on the 27th of October, 1967, by the Senior Engineer, another engineer, and a group of technical assistants and technical cadets; two inspections were also carried out by an engineer on the 30th and 31st October, 1967 and an inspection by a senior technical assistant on the 7th November, 1967. During these inspections Messrs Humes routine testing procedures were rescrutinised. Their gauges and calibration charts were checked and pipes were picked at random from their store yard for additional testing. All were found satisfactory and in order. Even so, in order to recheck and identify pipes that may be defective, or may have been damaged in transit and handling, all pipelines are tested on site under the required water pressure after laying to reveal any defective pipes used on the site.

I have given here, Sir, a detailed statement on what happened to Humes pipes. If they were defective, as the Honourable Member charged, then I do not think we would have water going through all these pipes in all the various water schemes that we have laid on in the country.

I now come to the various points raised by Honourable Members in the course of the debate today. The Member for Kulim Bandar Baharu wanted to know what would be done about the Bandar Baharu crossing. I would like to say that the Department is now looking into it for an improved crossing, either in the form of a new bridge or an improved type of ferry service.

Allocation for Education in Sarawak, 1968—If one looks at the Education Estimates for Sarawak for 1967 and 1968, one will notice that the figure for 1968 is less than that for 1967 by \$422,902. The figure for 1968 is only \$2,880,560 and that for 1967 was \$3,303,462. I am very much puzzled what this could mean. The normal trend would be an increase in the allocation as the number of schools, students and teachers increased. But this year's Estimates indicate that we in Sarawak will have less to spend on education. This certainly cannot be true, Sir, unless of course, we are progressing backwards. I, therefore, recommend that the Central Government revise its Estimates with regard to the education expenditure for Sarawak in 1968.

In connection with education, I also wish to request the Central Government to extend the educational benefits enjoyed in West Malaysia to Sarawak. We would like to have something

identical to the comprehensive school system here, but English is the medium of instruction in Sarawak schools. I also recommend that the Central Government, in collaboration with the Sarawak State Government, make changes and renovations with regard to education without altering any provision in the State or Federal Constitution.

Local Scholarships—It is regrettable to note that there is no increase in the estimates for local scholarships in Sarawak in spite of the increasing number of local scholarship holders there. This must be due to some reasons, which the public wish to know. Without committing myself to pass my remark on this point, Sir, I urge the Ministry of Education to explain this situation and, at the same time, I would like to suggest that the estimates for the above purpose should be increased in order to enable the Education Department in Sarawak to have sufficient funds to meet the increasing demands from the local scholarship holders.

Grant to Schools—Due to the increase in the number of new secondary schools in Sarawak this year, the number of items required will be far more than that of last year. I, therefore, strongly feel that the increase which is amounting to \$2,000 only is insufficient. So, I call upon the Ministry to consider this matter seriously, so that a new and fair estimate can be made to meet the growing demands from the schools concerned.

School Equipment—Sir, I understand that many of the new secondary science laboratories are not well equipped with science teaching apparatus and many of the new schools are not provided with adequate school equipment. Sir, I am really surprised to see that there is no increase in the estimates for school equipment in Sarawak for the year 1968. For the benefit of the pupils in the schools concerned, Sir, I wish to urge the Ministry of Education to increase the estimates by at least 5% in order to give more adequate provision for school equipment especially for science teaching facilities, which are

urgently needed in many new laboratories.

Sir, before I proceed to other items, I wish to express our regret on the remark made by one of the Alliance backbenchers from Sarawak on the 13th February, 1968, in this House, when he called upon the Central Government to review its education policy and administration of education in Sarawak. From what the Honourable Member said, Sir, we understand that he has attempted to destroy certain provisions of the Federal Constitution. As this is the case, Sir, I would like to say that we in the S.N.A.P. strongly oppose this attempt, or any move, aimed at destroying any provisions of the Federal Constitution in this respect—until and unless the Sarawak Council Negri agrees in the manner stated in the Constitution itself.

Home Affairs—First of all, I wish to speak on the subject concerning the posting of West Malaysian soldiers to East Malaysia and *vice versa*. The 1968 Estimates show that the total sum spent by the Government in the way of allowances paid to these soldiers as \$1,900,800. This is an unnecessary waste of public funds. Why do we add to our own misery? There was the devaluation of the old dollars, the continually falling rubber prices and the rising cost of living. Cannot the Government find a better way of spending this sum? Why is it necessary for the West Malaysian soldiers to serve in East Malaysia and *vice versa*? The Government must realise that every economic decision is a choice between alternatives, and in this case I do not think that Government has made the best choice. As a step to cut down or even eliminate these posts, I suggest that this exchange of soldiers should cease immediately. It would not only cost less but also be more convenient for everybody to work at his own place where he is nearest to his wife, parents and home. Forget for one moment about the racial harmony that these soldiers are supposed to establish. I would rather think that the reverse is true. The past incidents which had taken place had showed that they did more to disrupt racial harmony than

establish it. I am not putting our racial harmony after that of our precious dollars, but what I am against is lavish Government spending.

Royal Malaysia Police—I would like to know the cause of the difference between the cost of living allowance and the salaries for the policemen in Sarawak and those in West Malaysia. I heard that policemen in West Malaysia receive more than their counter-parts in Sarawak for the cost of living allowance is based on their basic salaries. Take, for instance, a married policeman in Sarawak, who receives a salary of \$170, will get \$15 for child allowance, while his counterpart in West Malaysia receives a salary of \$170 plus \$33 cost of living allowance, no matter whether he is married or single. Besides, I heard that the Sarawak Police Inspectors who were trained in the Kuala Lumpur Police Training School receive just \$310 per month, whereas their counterparts in West Malaysia receive \$500. If this is the case, Sir, I would like to request the Honourable Minister of Home Affairs to consider this matter seriously, so that in future equal opportunities can be given accordingly to our policemen throughout Malaysia, who are fighting for equal treatment.

Anti-Corruption Agency—I am grateful to see that this Agency has been set up and adequate provision has been made by the Ministry concerned, which I believe will enable the members to carry out their tasks efficiently. Corruption is always dangerous to the justice and security of any country, especially to a young country like ours, which has just achieved its overall independence for about five years. I know that we are all anti this evil, but it still exists in Malaysia. I here call upon the Anti-Corruption Agency to wipe out corruption throughout Malaysia, particularly in Sarawak, where it is raising its ugly head. Unless immediate steps are taken, the situation in Sarawak will be too bad for justice and security. In this respect, I hope the Agency concerned will act promptly in order to stamp out all corrupt practices in all fields within

Malaysia, so that justice and security can be restored through proper means.

National Registration Sarawak—issue of new identity cards—In spite of great deal of follow-up work on the issues of new identity cards in Sarawak, the Ministry of Home Affairs did not provide funds for this purpose for the year 1968. We know that the State General Election was said to be held in Sarawak this year. I am surprised to see that there is no provision in the Estimates column which will enable the State to carry out the follow-up work left undone since the middle of 1967. Since the Alliance Government has said many times, on many occasions, that it did not intend to delay the State General Election in Sarawak, I strongly call upon the Ministry of Home Affairs to provide adequate provision to enable the Sarawak State Government to complete the work of issuing new identity cards which will give every eligible voter his fundamental right to vote during the coming General Election.

Sarawak State General Election—I would like to make an enquiry to the Government as to whether or not the State General Election will be held this year. It looks as though the Government is doing its very best to delay it and hope eventually that everybody will forget about it. I demand the exact time when the elections could be held, because in the past the Government had made false promises. It is high time that the Government does away with these delaying tactics and face reality. If the General Election could not be held this year, then the Alliance Government is making a mockery of the Sarawak State Constitution which calls for a General Election once in every five years. Why all this delay? If the Election Commission thinks that it cannot do its job fast enough, then get someone else in the Commission. They are paid to do their job and if for some reasons or other they choose to sit down and relax, then get them out. We are not going to waste public funds on a bunch of lazy and inefficient public servants. They have had plenty of time and for them to say that they

have not got sufficient time is baseless and an utter nonsense. Finally, I call upon the Government to announce a definite date on which the State General Election could be held this year.

Development—Now, I would like to refer to the rural development in Sarawak. Some people are wondering why some major projects which have been approved by the State Development Committee in 1965 or 1966 remain unimplemented. The approval of these projects has been known to the public, who have been waiting for their implementation. We understand that this unnecessary delay is due to the slackness in getting the funds available at the beginning of each fiscal year. The people in our State are frustrated to learn that the only projects which have been implemented in 1967 were unproductive ones, which do not go anywhere to solve the real economic problems that prevail in the rural areas where development is needed most. In this case, I would like to draw the attention of the Ministry of National and Rural Development and the present Sarawak State Government to accept it as a matter of policy that representatives from all political parties in Sarawak be invited to examine these unimplemented projects, and if they are of economic value, then recommend them to the authorities concerned for early implementation.

Kampongs and Long Houses in Sarawak—Here, I wish to draw the attention of the Government to the conditions and welfare of the rural dwellers in kampongs and longhouses. We realise that the Government is making an effort to improve the conditions of rural dwellers in the way of providing water supply, roads, and so on, but very little has been done towards the improvement of sanitation. This is especially true of longhouses where conditions have changed very little over the years. I know that it is a very difficult job in trying to change well-rooted customs and traditions, but there is no harm in trying. These are things which we cannot change overnight. I rather think that the Government should place more emphasis on

rural education and depend less on radios and newspapers. What these rural dwellers really need is somebody who can demonstrate to them what to do—they are practical people, who have very little or no education at all—so that the rural dwellers can follow without any inferiority complex.

The Government would be failing in its duty if it overlooks the conditions of these poor masses who have often let the nation down in the eyes of foreigners, especially the tourists. These are the people who really need help and guidance.

Progress—The people of Sarawak, who the Honourable Minister of Finance thought are getting the best of both worlds, still get no general social progress after joining Malaysia for about five years. I dare say this without any fear of contradiction, because the sphere of unemployment is greatly extended to the rural areas due to the shortage of vocational facilities to educate the lower secondary school leavers and no means of providing jobs to them. There were suggestions forwarded to both the Federal and the State Government, but they had achieved nothing whatsoever to remedy this situation. Unless the Government takes measures to reduce the number of unemployment there will be no end of trouble arising from the frustrated lower secondary school-leavers, who are immature and are not equipped to earn their living.

The year 1967 to us in Sarawak was the worst year since the State's entry into Malaysia. Some people say it is even worse than those critical years during the Japanese Occupation, because many things have brought hardship and frustration to the people of Malaysia, particularly Sarawakians. Starvation which had never happened for more than 30 years had occurred, and it still exists in many remote areas of Sarawak. The people concerned cannot afford to buy rice or even sago flour to ward off hunger, because the rubber price has dropped to 25 cents per kati there. In this respect, the Sarawak State Government has completely failed to discharge its duty and give relief. I hear some people have died of

starvation. I understand, Sir, that the State Government has distributed two katis of rice per head per week for a period of six weeks only to certain rural dwellers, and there were people going round telling these poor hungry people that they would not get this ration, unless they are members or until they become members of the Alliance Party. If this is the case, Sir, I would call upon the Government to give public warning so as to stop this unwarranted act, which I think is not only illegal but also too cruel. Despite the sharp drop in the prices of our local products, especially rubber, prices for essential commodities increased tremendously due to the rate of taxation imposed by the Government last year. As a result, many people in Sarawak have sold their belongings in order to buy goods. This shows that these people cannot earn their living by other means. I certainly believe that these people do not see even the entrance of the tunnel that leads to the light which the Honourable Finance Minister mentioned in his Budget Speech in the early part of this meeting.

Devaluation—The devaluation of the British sterling has resulted in the devaluation of the Malayan currency and the Government's failure to compensate public loss has made the people of Sarawak, if not the people of Malaysia, lose their faith in the Government. Those who will see the light at the end of the tunnel and those in East Malaysia who will have the best of both worlds are those who are in a position to exploit others in the field of finance and commerce, and those who can dominate their brethren in the field of administration, etc.

In conclusion, Sir, from what the Opposition has said in respect of this Budget, we do not regard the year 1967 as a notable year of social, political and economic progress for Malaysia, particularly for Sarawak, but a year of distress and disaster—and 1968 may not be a better year.

Lastly, Sir, I hope the Ministry of National and Rural Development will look into the matters which I have brought forward and take steps to give general improvement. Thank you, Sir.

Tuan Hanafi bin Mohd. Yunus (Kulim Utara): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan yang dibentangkan di-dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa berapa pesat-nya sa-sudah 10 tahun kita mendapat kemerdekaan banyak ranchangan² untuk membangun negara kita ini dan banyak pula wang telah di-keluarkan untuk memberi kemajuan dan berbagai² chara di-dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-samping mengalu²kan peruntukan ini saya ingin berchakap satu dua perkara ia-itu yang pertama sa-kali ia-lah dalam Polis di-Raja. Berkenaan dengan polis ini ia-lah satu perkhidmatan yang kita tugaskan sangat penting dan sangat besar ma'anya pada negara kita ini. Apa yang saya hendak berchakap, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan berek² polis yang mana saya dapati di-Kulim banyak kita dapati polis² ini dudok di-luar² dari balai polis, maka ini ia-lah pada fikiran saya menjadi satu perkara yang susah bagi tugas² mereka itu. Jadi, saya harap kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat membena dengan chukup-nya rumah² polis yang ada di-Kulim itu.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah Pondok² Polis. Di-kawasan saya ada satu bandar kecil, pekan kecil ia-itu Murba Pulas yang jauh-nya daripada balai polis yang ada sekarang ini tiga batu dan di-bandar itu tidak ada polis, chuma kadang² sa-kira-nya ada sedikit pergadohan baharu-lah di-adakan polis ronda di-sabelah malam. Jadi, perkara ini penduduk² di-pekan Murba Pulas itu telah membuat satu rayuan kepada Ketua Pegawai Polis di-negeri Kedah, tetapi mereka tidak dapat apa² jawapan yang mereka harap dapat membena sa-buah pondok polis di-situ. Saya harap mudah²an yang kita untokkan perbelanjaan di-dalam pembangunan ini supaya dapat di-dirikan sa-buah Pondok Polis sahaja dalam daerah, atau pun pekan Murba Pulas, kerana, Tuan Yang di-Pertua, sedikit bulan yang lepas sudah jadi satu rombongan wang di-sabuai kedai dalam bandar itu, tidak ada siapa² dan tidak ada sa-orang polis pun dalam

pekan pada masa itu, maka tidak-lah dapat hendak menangkap perompak² itu.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap ia-lah berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan ia-itu kawasan² perusahaan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap-lah kepada Menteri ini supaya mengadakan kawasan² perusahaan itu bukan sahaja di-bandar² yang besar² seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Petaling Jaya dan lain². Saya harap kawasan² ini supaya di-dirikan di-luar² bandar dan di-pekan² kecil; ini ia-lah kemudahan kepada pemuda² bumi-putra kita yang mana tidak ada pekerjaan dapat-lah mereka itu masuk kerja dalam kawasan² dalam perusahaan² yang di-dirikan di-kampong² mereka sendiri ia-itu di-luar² bandar.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perusahaan ini saya telah berchakap dalam meshuarat Jawatan-kuasa ia-itu chara perusahaan ini kita dirikan perusahaan² ini bukan sahaja kita berkehendakkan perusahaan² yang di-dirikan dan di-bena dalam negara kita ini banyak dan kita hendakkan juga supaya banyak negara² yang masuk membuka berbagai² perusahaan di-dalam negeri kita ini. Saya telah berchakap dalam Jawatan-kuasa yang lepas ia-lah berkenaan dengan mutu² barang² yang di-buat di-dalam negara kita ini terutama sa-kali ia-lah tayar² yang di-buat ia-itu daripada Dunlop dan tayar Good Year. Sa-sudah saya berchakap saya telah mendapat satu surat daripada Pengurus (Director) Yang Mulia Tengku Ahmad, kalau saya tidak salah, yang menyatakan tayar² Dunlop itu baik, dan barangkali saya sendiri salah pasang. Tuan Yang di-Pertua, saya kerap kali pasang tayar itu bukan-lah saya sendiri yang pasang dan saya beli di-kedai dan kedai itu-lah sendiri telah menimbang (balance) dan berbagai² chara baharu-lah di-pasang, tetapi malang-nya baharu² ini saya balek ka-Kulim satu lagi tayar telah sedikit mengelembong sa-sudah saya berchakap itu ia-itu tayar Good Year.

Jadi tayar itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ada bawa bersama² di-sini tetapi saya tidak bawa-lah dalam Parlimen

ini kerana besar sangat bukan seperti wakil daripada Johor dia boleh-lah bawa sa-ketul roti sahaja, tayar ini besar sangat saya simpan di-belakang motokar saya. Malang-nya saya tidak dapat-lah hendak buktikan tayar Dunlop ini kerana tayar dunlop ini ta' ada saya bawa bersama² kerana sa-sudah pechah saya pergi tukar dan dapat baharu balek dengan ada potongan. Ini-lah saya berharap kepada Menteri ini supaya kita mempelawakan bukan sahaja daripada England dan negeri² yang lain supaya mendirikan kilang² berbagai² perusahaan ini sama ada daripada Jerman dan Jepun supaya dapat mendirikan kilang² tayar ini. Sa-kira-nya ada banyak kilang² tayar dan barang² yang lain yang di-dirikan di-negeri kita ini saya perchaya ini tentu-lah ada satu perlawanan yang akan membaiki mutu barang² mereka itu dan juga berlawanan mengurangkan harga barang² yang di-usahakan dalam negara kita ini.

Dan saya harap-lah kepada Yang Berhormat Menteri ini supaya dapat mendirikan dan mengadakan kawasan² perusahaan ini bukan sahaja di-bandar² mahu-lah di-bandar² yang kechil, di-kawasan² dalam bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya dapat menjamin kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini kalau sa-kira-nya yang beliau itu hendak dirikan kilang² perusahaan di-bandar Kulim, saya menjamin akan mendapatkan kiraan tanah kepada-nya.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah berkenaan dengan Kementerian Kesihatan berkenaan dengan Hospital² baharu—Rumah² Sakit baharu. Tuan Yang di-Pertua, Rumah Sakit Kulim ini saya telah berchakap sejak saya mula² menjadi Ahli Parlimen ia-itu daripada tahun 1959 daripada Dewan yang lama dahulu, saya telah menerangkan Hospital di-Kulim ini sangat-lah tinggi, sa-kira-nya orang² sakit, kalau sakit yang tenat daripada bawah naik ka-atas, barangkali tidak sempat sampai ka-ward mati di-tangga jalan itu sahaja. Dan sa-sudah beberapa kali saya berchakap maka Yang Berhormat Menteri telah masukkan di-dalam budget perbelanjaan ini \$12 million.

Jadi, perasaan saya ini sudah tiga tahun lepas. Sa-sudah itu sudah senyap dua tiga tahun dan saya tengok tiap² tahun hanya ada \$10 dan tanah tapak-nya sudah di-beli di-satu tempat dalam daerah dua batu daripada bandar Kulim. Sa-sudah itu kalau tidak salah saya barangkali lebeh kurang 7 atau 8 bulan atau sa-tahun yang lepas Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah melawat Kulim barangkali Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen bersama² kalau tidak salah, dan saya bersama² telah melawat Hospital kata-nya tidak dapat di-dirikan hospital baharu dan beliau itu mengaku akan mendirikan, membuat binaan yang baharu yang pada ingatan saya barangkali empat tingkat dan juga mengaku akan membuat jalan daripada bawah naik ka-atas bukit Hospital itu, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sampai sekarang tidak berbunyi lagi. Dan saya harap-lah dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri ini yang dapat ra'ayat² di-dalam daerah ini dapat pegangan dan keperchayaan.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu ia-itu berkenaan dengan Kementerian Kerja Raya, Pos ia-itu jalan² raya dan jambatan. Saya ingin berchakap di-sini, saya merayu-lah kepada Menteri ini supaya dapat membena satu jambatan menyambungkan Sidang Kiri dan Sidang Kanan dalam kawasan saya ia-itu melangkah Sungai Muda. Sungai ini ia-lah menjadi sempadan antara jajahan atau pun daerah Kuala Muda dengan daerah Kulim. Jadi kalau sa-kira-nya penduduk² yang di-seberang Sidang Kanan atau pun daerah Kuala Muda hendak datang ka-bandar Kulim terpaksa-lah kalau dengan motokar naik ka-atas dan balek 10 batu, pergi kahujong jalan yang hendak pergi Sungai Patani dan balek 10 batu, jadi 22 batu baharu-lah hendak sampai ka-Kulim, tetapi kalau sa-kira-nya di-buatkan satu jambatan chuma 12 batu sahaja.

Dalam tahun 1964 kalau tidak salah saya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah melawat kawasan itu di-kawasan Sidang Kanan dan saya telah bawa Yang Amat Berhormat itu melihat Sungai Muda dan tempat² chadangan yang hendak membuat

jambatan itu, tetapi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mengaku akan menyiasat, sa-lepas itu saya dapati ada siasatan² yang telah di-jalankan, tetapi sa-hingga sekarang ini tidak ada nampak satu bekas atas siasatan itu. Dan saya harap-lah supaya Kementerian ini dapat mengadakan satu jambatan yang memotong jalan yang dekat itu; lebeh² lagi, Tuan Yang di-Pertua, banyak kanak² yang daripada sa-belah perentah Sungai Petani atau pun daerah Kuala Muda ini yang datang bersekolah di-sekolah Kulim. Jadi terpaksa-lah mereka itu menyeberang dengan sampan dan perahu lebeh² lagi menjadi kesusahan ia-lah sa-masa Sungai Muda ini ayernya naik dan melimpah.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan supaya jalan² tanah merah yang ada terutama sa-kali yang selalu dilalui oleh kanak² sekolah supaya dapat di-taroh tar. Bukan-lah berkehendakan tar yang tebal hanya hendak menutup debu² supaya jangan-lah debu² itu terlampau naik dan juga hendak menjaga sa-masa musim hujan. Di-kawasan saya ada banyak jalan² yang di-buat dengan tanah merah ia-itu dengan P.W.D. standard jalan² ini baik, tetapi malang-nya kalau sa-kira-nya musim hujan kanak² yang pergi sekolah itu bukan sahaja hendak jalan kaki, kalau naik basikal pun barangkali tidak boleh naik basikal itu, kena turun.

Bagitu juga kalau sa-kira-nya musim kemarau masa ini, kalau sa-kira-nya kanak² itu daripada rumah apabila sampai ka-sekolah baju puteh-nya sudah menjarah merah, kerana debu² tanah merah itu di-bawa oleh angin musim kemarau ini sangat-lah banyak. Sa-kira-nya kita membawa kereta kalau berselisih kereta itu terpaksa-lah membuka lampu, kerana tidak nampak langsung kerana debu² yang di-pukul oleh angin yang berterbangan sangat gelap jalan² ini. Ini-lah saya harap supaya dapat, bukan saya hendak minta taroh batu yang tebal atau pun tar yang tebal supaya dapat kita melimpahkan tar itu menutup debu² itu sahaja.

Dalam Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom. Ini juga, saya ingin

berchakap berkenaan dengan Pondok² Talipon. Pondok² Talipon di-luar bandar di-dalam kawasan saya hari ini dalam tahun 1967 sangat²-lah menjadi² kechurian, wang dan peti² wang di-dalam pondok itu. Dalam tahun 1967 kalau tidak salah saya, akhir² tahun 1967, 4 telah pecah dan di-churi bahawa sa-hingga sekarang ini ada lagi yang tidak dapat kita perbaiki lagi. Ini-lah kalau dapat bagaimana satu chara dapat mengawal-nya bukan sahaja wang yang ada di-dalam kotak Pondok² Talipon itu hilang, tetapi dibawa sa-kali dengan kotak²; sa-tengah² di-buang di-lain tempat dan sa-tengah-nya hilang terus. Ini bukan sahaja kerugian wang di-dalam peti itu, tetapi menjadi kesusahan kapada ra'ayat ditempat itu apabila sudah terjadi pecah dan kehilangan kotak² simpanan wang ini terpaksa-lah menunggu kadang² lima enam bulan baharu-lah dapat di-pasangkan balek. Saya mintalah bagaimana satu chara yang dapat di-kelola bagi menjaga keselamatan Pondok² Talipon yang ada dalam pekan² kecil dan di-luar² bandar.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sahaja yang dapat saya berchakap dan merayu kapada Menteri² yang berkenaan yang mana rayuan² saya ini harap dapat diterima dan dapat-lah di-jalankan dengan sa-berapa segera yang dapat. Terima kaseh.

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, di-samping saya menyokong dengan sa-penoh-nya belanjawan yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-atas wang yang di-kehendaki menjalankan kerja² Kementerian-nya sa-banyak \$887,897,619, saya juga meminta peluang supaya dapat memberi sedikit² pandangan di-dalam perkara pembangunan yang di-hadapan Rumah yang bertuah ini.

Pertama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak membawa perhatian Rumah yang mulia ini kapada Kepala III, muka 15, berkenaan dengan Majlis Perbandaran Ipoh. Beberapa tahun yang telah lalu telah pun di-dapati, ia-itu keperluan mengadakan satu saloran najis

(sewerage system) bagi Majlis Perbandaran ini di-kawasan itu telah pun diperlukan dan sa-bagaimana yang saya sendiri mengetahui, ia-itu segala Jurutera dan kaki-tangan hendak menjalankan kerja² membenakan system saloran najis ini telah pun di-adakan, tetapi dengan sebab kekurangan wang kerana rancangan ini ia-lah pada masa yang telah lalu telah di-anggap akan memakan belanja lebih daripada \$17 juta, maka tidak dapat-lah hendak di-jalankan, dan kaki-tangan dan Jurutera yang telah di-ambil dan di-gaji oleh Majlis Perbandaran itu telah di-gunakan pada petak² yang lain yang berkenaan dengan pekerjaan² Jurutera juga. Maka saya berharap-lah ia-itu didalam kita memperbaiki pembangunan negara, saloran najis ini ia-lah satu perkara yang sangat penting dan saya lihat juga, ia-itu di-dalam Majlis Perbandaran Pulau Pinang mereka itu menjalankan kerja ini dengan sa-chara giat-nya dan Kerajaan Pusat ada-lah memberi bantuan sa-banyak sa-tengah juta pada tahun ini untuk menyiapkan saloran najis yang barangkali sedang berjalan.

Sambil saya menyentuh perkara² yang berkenaan dengan Majlis Perbandaran dan juga kesihatan 'am, saya suka hendak bertanya kalau sekira-nya bandar Melaka sekarang ada mempunyai bekalan ayer yang baik, kerana, Tuan Yang di-Pertua, sedia ma'alum, ia-itu wabak taun telah berlaku empat tahun yang lalu di-bandar Melaka oleh di-sebabkan tidak ada bekalan ayer yang baik dan pada masa itu di-dirikan satu Jawatan-kuasa menyiasat macham mana-kah terjadi-nya wabak taun yang telah merebak di-situ dan di-dapati ia-lah punca-nya kapada bekalan ayer yang tidak baik dan telah pun di-kemukakan di-Rumah yang berbahagia ini satu laporan meminta, ia-itu di-beri ayer yang baik dari Gunong Asahan daripada Johor, tetapi saya tidak mendengar cerita apa yang telah di-buat.

Kemudian daripada itu saya suka juga-lah menarek perhatian Rumah ini kapada Kementerian Luar Negeri, ia-itu Kepala 150, muka 94. Di-sini saya perhatikan ia-itu perbelanjaan yang di-kehendaki di-dalam lapangan ini ia-lah berjumlah \$2½ juta pada tahun 1968

ini, dan saya percaya tentu-lah Menteri Yang Berhormat telah memikirkan ia-itu image atau gambaran Malaysia hendak-lah di-adakan dengan sa-chara baik di-negeri luar dan memerlukan belanja wang yang banyak untuk dia membuat demikian. Dan saya rasa walau sa-kali pun negara kita ada mengalami kesukaran dan kesulitan didalam petak wang ini, tetapi barangkali harus-lah Rumah ini menerima dengan sa-chara baik, ia-itu rancangan hendak memberi gambaran yang baik kapada luar negeri.

Kemudian daripada itu saya hendak menyentuh juga pada Kepala 126 pada muka 40 di-mana Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendak menjalankan beberapa perkara berkenaan dengan pembangunan didalam bandar dan di-luar bandar. Saya suka menegaskan, ia-itu ada beberapa tempat di-dalam negara kita ini ia-itu janji² yang telah di-adakan, yang telah di-beri oleh Kerajaan kita pada masa pilehanraya yang dahulu belum lagi ditunaikan dan dengan yang demikian saya berharap-lah Kerajaan akan dapat menunaikan janji² itu sa-belum pilehanraya yang akan datang ini supaya mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada sakalian ra'ayat jelata dan kapada penduduk² di-negara ini. Pembangunan sunggoh pun telah di-bahagi kapada pembangunan di-dalam bandar juga di-luar bandar, dan saya saperti juga dengan Ahli² yang lain di-dalam Rumah ini telah pun melihat bagaimana keadaan pembangunan di-luar bandar telah di-jalankan dan di-situ-lah tempat-nya, Tuan Yang di-Pertua, yang kita mesti menunjukkan bukti yang kita telah menjalankan segala kerja² yang kita telah janjikan dahulu.

Kemudian daripada itu saya membawa perhatian kapada Kepala 131, muka 45, yang berkenaan dengan Orang Asli. Tidak berapa hari yang telah lalu saya telah menyatakan dalam Rumah yang berbahagia ini, ia-itu perkara Orang Asli ini hendak-lah di-ambil langkah² yang tegas bagi memperbaiki keadaan mereka itu. Di-sini saya nampak perbelanjaan yang telah di-chatetkan hanya ia-lah perbelanjaan yang berkenaan dengan pentadbiran atau pun yang di-katakan Extension of

Government Services to Deep Jungle Areas atau pun Perkembangan Perkhidmatan Kerajaan kepada Hutan² Rimba yang Dalam, dan saya telah berchakap pada masa yang lampau ia-itu sementara kita menantikan pilihanraya jangan-lah hendak-nya kita menchuaikan Orang² Asli ini sa-bagai warganegara dan bumiputra dan hendak-lah di-beri tempat di-dalam masa kita mengundi kelak, dan dengan sebab itu hendak-lah di-daftarkan dengan chara mengadakan jentera yang boleh memberi kesan bukan-lah jentera yang ada ini ia-itu sambil berpesan² sahaja kepada Ketua² Kampong atau Ketua² Orang Asli itu, mari-lah mendaftarkan nama awak dan sa-bagai-nya, kerana kalau kita buat begitu banyak yang tidak tahu akan kesah-nya dan tidak mendaftar. Jadi, rugi-nya itu esok pada kita juga-lah dan kepada mereka itu juga.

Sa-lain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah hendak mengambil peluang menyentoh Kepala 122 di-muka 30 ia-itu di-dalam Bahagian Pelajaran Anggaran Pembangunan ini telah di-sediakan peruntukan sa-banyak \$7.4 juta bagi University of Malaya dan kita mengetahui di-dalam peruntukan di-dalam ruangan Kementerian Pelajaran telah di-sediakan peruntukan sa-banyak \$15 juta untuk University of Malaya. Jadi, dengan sebab yang demikian terpaksa-lah kita mengangapkan jumlah yang akan di-belanja-kan bagi membiayai segala perbelanjaan yang di-kehendaki akan berjumlah \$22.4 juta di-dalam tahun 1968 ini. Ini juga tidak menghairankan kerana bagaimana yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi, ia-itu perkembangan di-dalam lapangan pelajaran Universiti juga telah mendapat kemajuan yang tinggi dan saya mengerti ia-itu Fakulti berkenaan dengan jurusan kedokteran telah pun berjalan dan hospital baharu untuk mengajar pakar² doktor itu telah pun terdiri dan akan memakan belanja yang banyak.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya minta berchakap sedikit dalam Kepala 123, muka 32, berkenaan dengan perkhidmatan di-dalam Kesihatan dan Perubatan. Di-sini juga ada

dua lapangan, ia-itu perkhidmatan yang di-adakan di-dalam bandar dan perkhidmatan yang di-adakan di-luar bandar. Maka di-sini saya perhatikan ia-itu peruntukan yang telah di-sediakan di-dalam perbelanjaan ini untuk menjalankan kerja² di-dalam ruangan luar bandar itu ia-lah berjumlah \$5 juta dan sedikit sahaja kepada di-dalam bandar. Tetapi seperti mana yang telah di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan sendiri pada masa yang lalu, ia-itu tugas² menjalankan pentadbiran di-dalam ruangan kesihatan ini ada-lah di-bagi²kan dan memakan belanja yang lebih banyak daripada yang telah biasa, kerana kita tahu ia-itu dia mendapat peruntukan yang lebih daripada tahun ini.

Akhir sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka-lah mengambil lapangan bilangan Kepala 130, muka 43, berkenaan dengan Jabatan Ukur. Saya mengetahui dan barangkali juga sahabat² saya di-dalam Rumah yang berbahagia ini mengetahui, ia-itu peruntukan bagi melebuhkan kesenangan dan kemudahan² bagi Pejabat ini menjalankan kerja²-nya, tetapi kerja² yang telah di-sebutkan di-masa yang lalu sangat-lah tidak memuaskan hati, kerana apabila di-kehendaki satu² bidang tanah itu di-ukur atau di-beli, di-keluarkan title atau pun geran yang perlu hendakkan bertahun² pun tidak siap. Saya mengetahui dengan sa-benar²-nya ia-itu banyak tanah yang tidak di-ukur yang tidak dapat hendak di-perintah kepada satu nama kepada satu nama, daripada 20 tahun yang lalu. Maka ini nampak-nya kita membiayai satu pejabat yang tidak-lah memuaskan saya harapkan Yang Amat Berhormat Menteri akan dapat menyalurkan ukoran tanah ini kepada Pejabat Ukur supaya dapat diselenggarakan sa-bagaimana yang boleh yang mungkin chepat kerana ma'alum sahaja-lah di-dalam tanah ini tuan yang mati, tuan yang patut menerima, yang patut di-beri ia-itu perkhidmatan daripada Pejabat Ukur ini. Sekian sahaja-lah dan sa-kali lagi saya menyokong dengan sa-penoh-nya permintaan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara.

Tuan Haji Mohd. Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil perhatian di-dalam perbelanjaan pembangunan yang akan di-belanjakan pada tahun ini sa-banyak lebih kurang \$880 juta. Baharu sa-kejap tadi kita telah mendapat ucapan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan ini atas kejayaan² yang telah di-jalankan oleh Kerajaan di-masa yang lampau dan juga chadangan² yang akan di-jalankan dengan perbelanjaan sa-banyak \$880 juta ini pada tahun ini. Saya, bagi pehak kawasan saya, menguchapkan sa-tinggi² tahniah dan terima kaseh kerana kebanyakan daripada ran-changan² pembangunan yang telah di-jalankan di-kawasan saya telah menghasilkan hasil yang baik yang mendapat kepuasan hati daripada pengundi² daerah saya. Negeri kita boleh di-katakan telah maju dalam segi pembangunan daripada segi ekonomi dan sosial dengan sebab ia-lah kerja yang baik di-katakan daripada segala peringkat terutama sa-kali perasaan persefahaman antara bangsa di-dalam tanah ayer kita ini. Tetapi baharu² ini sa-lain daripada perkara² yang telah terjadi di-Pulau Pinang, saya tidak menyentuhkan, kerana saya telah ber-uchap pada masa belanjawan dahulu. Satu perkara lagi yang saya berasa sedeh ia-itu terhadap sa-bilangan ra'ayat yang bukan daripada ra'ayat Malaysia ia-itu ra'ayat luar negeri yang mengelolakan perusahaan² ladang² getah negeri ini yang memandang sepi terhadap usaha² Kerajaan kita supaya penyamaan antara kaum dalam negara ini dapat di-kekalkan, dan di-perbaiki. Kejadian yang saya hendak sebutkan ia-lah kejadian di-satu estate di-namakan Kuala Mai di-dalam kawasan saya, ia-itu dengan sebab pengelola estate ini sa-orang daripada expatriate atau pun orang yang berkulit putih yang saya anggap memandang sepi terhadap usaha Kerajaan kita meng-adakan berbaik² antara bangsa dengan negeri ini ia-itu telah mengapi²kan dan menyebabkan berbangkit-nya pergaduhan senget antara kaum² dalam estate ini dan sa-patut-nya pegawai ini bertanggung-jawab terhadap pekerja² dan buroh² dalam estate itu dan sa-patut-nya ia bekerjasama dengan Kera-

jaan atas terjadi-nya beberapa perkara yang boleh membangkitkan perkela-hian antara kaum dengan kaum. Tetapi di-estate ini apa telah terjadi ia-itu terjadi pergaduhan ini terpaksa-lah saya dan Pegawai Daerah dan Ketua² Kaum bergopoh gapah mengumpulkan tenaga supaya mententeramkan keadaan di-tempat ini antara perselisihan antara kaum ini.

Jadi saya harap patut sangat-lah Kerajaan kita mengambil pandangan yang berat terhadap pegawai², pengu-rus² ladang getah yang besar ini yang terdiri daripada bukan ra'ayat Malay-sia ini di-awasi mereka² ini, sa-bagai-mana ucapan saya dahulu terhadap satu pengurus estate di-negeri Sabah yang mana saya faham pada masa ini tidak ada di-sini, maka patut sangat-lah mereka² ini kita awas dan kita tidak benarkan lagi mereka² ini ada dalam negeri ini. Saya perchaya perkara ini dalam tangan Kerajaan sekarang, tetapi saya berharap perkara ini tidak lagi di-ambil ringan, tetapi mengambil pandang yang berat. Dalam kita melancarkan pembangunan pada masa hadapan ini, pada pendapat saya ada lagi beberapa perkara yang saya fikir kalau dapat di-baiki terutama sa-kali, kerana ra'ayat negeri kita sa-telah merdeka boleh di-katakan telah bersama² bangun, membangunkan negara ini dan mengerti dan faham atas selok belok pembangunan negara dan juga perjalanan Kerajaan. Tetapi ada sedikit lagi perkara yang saya fikir dapat di-baiki ia-itu chara Jabatan² Kerajaan ini supaya dapat ra'ayat negeri ini faham atas perjalanan tiap² jabatan², sebab ini satu perkara yang besar juga untuk pembangunan negara, sa-umpama-nya pada masa ini kita ra'ayat jelata yang boleh di-kata-kan ra'ayat biasa, kurang faham atas perjalanan tiap² jabatan² dan mereka tidak dapat panduan² atau penerangan² yang penoh dalam perkara ini, bagaima-na saya melihat di-negeri² yang maju, kalau sa-umpama-nya saya, sa-orang bapa, yang hendak mengetahui keadaan macham mana saya hendak mendapatkan ma'luman menghantar anak saya belajar di-sekolah tinggi dan sa-bagai-nya, kerana negeri yang maju yang saperti yang saya tengok, mereka² ini pergi ka-jabatan yang

khas itu, mereka tidak payah dengan senang sahaja mendapat ma'luman² itu. Di-pejabat² itu ia ada mempunyai buku² risalah² penerangan yang terang sa-bagaimana kita tengok di-lapangan² terbang. Di-sana tiap² pejabat itu, macham saya kata tadi, kita hendak penerangan berkenaan dengan pelajaran anak saya, saya masok kapada Kementerian Pelajaran atau pun Jabatan Pelajaran, saya tidak payah lagi hendak bertanya pada pegawai² yang bekerja dalam itu, tetapi saya memerhatikan di-dalam bilek khas itu atas penerangan² pamphlet² itu dan mendapat keterangan yang penoh dan tidak menyusahkan kapada pegawai². Maka pada masa ini tidak begitu di-negeri kita. Kalau saya hendak mendapat penerangan, saya terpaksa menulis kapada Kementerian Pelajaran atau pun pejabat² Pelajaran Negeri², dan masa yang panjang, mungkin barangkali surat itu tidak berjawab.

Jadi, rasa saya pentadbiran yang sa-macham ini supaya ra'ayat biasa faham perjalanan Jabatan² itu dan boleh menggunakan perkhidmatan² Jabatan itu dengan senang dan tidak payah lagi mereka ini menunggu berhari² dan bersusah payah-nya menanti jawapan surat² itu. Jadi, saya harap untuk memesatkan lagi perjalanan pembangunan negara kita, rasa saya satu system telah dapat diadakan amat-lah baik-nya.

Lagi satu untuk menjalankan perkara pembangunan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ia-itu tiap² pakar² dalam jabatan² ini boleh menjadi pakar yang betul² pakar, ia-itu di-beri peluang mereka² ini menghadihi meshuarat² antarabangsa, di-

hantar keluar negeri dan belajar terus atas perkara² yang tertentu bagi kepandaian yang mereka mengerti itu supaya dapat jika balek menjalankan perkara² ini.

Sungguh pun pada masa ini ada di-jalankan, tetapi tidak banyak, sa-umpama macham saya katakan pada masa penjajahan dahulu. Jikalau jabatan engineering atau pun Jabatan Kerja Raya, jikalau ada meshuarat² di-luar negeri antarabangsa berkenaan dengan hal engineer² kita tengok ada dua tiga yang di-hantar daripada pegawai² kita menghadihi seminar² yang sa-macham ini dan mereka balek mendapat pengalaman yang penoh. Pada masa sekarang saya tidak nampak, barangkali saya tidak tahu, tetapi saya perhatikan kurang sangat Jabatan dan begitu Jabatan² lain.

Jadi, yang saya tahu sekarang kebanyakan yang di-hantar ia-lah Pegawai² Pentadbir—pentadbir yang saya maksudkan ia-lah Permanent Secretary bagi tiap² Kementerian yang tidak pakar dalam satu² jurusan teknik, dan mereka ini belajar membawa balek buku² dan fikiran mereka dan di-beri pada mereka² ini. Saya rasa ini satu perkara dapat kita ubah dan perjalanan pembangunan kita akan mendapat lagi lebih pesat dengan pelajaran² yang mereka terima daripada seminar² di-luar negeri ini.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua:
Masa sudah sampai pukul 8.30. Meshuarat ini di-tanggohkan hingga pukul 10.00 pagi esok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8.30 malam.